

## BAB KEEMPAT

### PERLANTIKAN KETUA NEGARA

#### SATU PERBANDINGAN

#### ANTARA DEMOKRASI PANCASILA DAN SISTEM *SYŪRĀ*

#### 1. PENDAHULUAN

Telah disebutkan bahawa Islam adalah agama yang universal dan komprehensif. Ia adalah agama yang meliputi seluruh aspek kehidupan manusia. Ia juga bersifat fleksibel sesuai untuk setiap tempat dan waktu. Hal ini telah dibuktikan oleh sejarah. Syariat Islam telah berlaku dan memimpin dunia Islam selama lebih kurang empat belas abad, dan masih berlaku di beberapa negara muslim hingga saat ini.<sup>1</sup> Ia memberikan inspirasi terhadap pembentukan undang-undang di negara-negara non muslim. Ia merupakan hukum tertinggi dan dihormati oleh manusia semenjak dahulu hingga sekarang.

Perlantikan ketua negara dalam Sistem *Syūrā* merupakan salah satu aspek yang terdapat di dalam Syariat Islam. Ia bukan suatu yang baru tapi telah wujud semenjak zaman Nabi Muhammad s.a.w. Ia tidak hanya sebagai suatu teori kosong, tapi telah diaplikasikan dalam kehidupan bernegara.

Perlantikan ketua negara dalam sistem *Syūrā* telah melahirkan pemimpin-pemimpin yang berkaliber. Abū Bakr r.a, ‘Umar r.a, ‘Uthmān r.a, ‘Alī r.a, ‘Umar bin ‘Abd al-‘Azīz ...merupakan pemimpin-pemimpin yang muncul di bawah

bendera *Syūra*. Kejayaan para pemimpin tersebut di dalam membawa *al-Khilāfah al-Islāmiyah* ke arah zaman keemasannya tidak dapat dipertikaikan lagi. Kehidupan sosial, politik dan ekonomi maju dengan pesat di bawah teraju kepemimpinan mereka.

:

Oleh kerana itu perbandingan proses perlantikan ketua negara antara sistem demokrasi Pancasila dan sistem *Syūra* bukan bertujuan mencari yang terunggul di antara kedua sistem tersebut. Sistem *Syūra* yang bersumberkan dari *al-Qur'an*, *al-Sunnah* dan *Sīrah al-Šahābah* adalah sistem yang sempurna dan paling sesuai untuk umat manusia. Ia tidak dapat dibandingkan dengan sistem-sistem buatan manusia. Jadi perbandingan ini adalah untuk membuktikan bahawa umat Islam memiliki satu sistem yang telah dilupakan oleh anak bangsanya sendiri. Sistem unggul yang dicari oleh umat manusia di zaman moden ini.

## **2. DASAR HUKUM PERLANTIKAN KETUA NEGARA ANTARA DEMOKRASI PANCASILA DAN SISTEM *SYŪRĀ*.**

Suatu bangunan yang kokoh bergantung kepada asas konkrit yang kuat. Dengan asas konkrit yang kokoh suatu bangunan dapat berdiri tegak dengan jangka masa yang lama. Tapi apabila asas konkrit suatu binaan lemah maka binaan tersebut tidak akan berdiri lama. Suatu contoh yang sangat sederhana dan mudah dipahami. Oleh kerana itu setiap sistem yang unggul mestilah memiliki asas yang kokoh dan mantap agar dapat bertahan lama. Contoh tersebut juga berlaku kepada suatu pemikiran, hujjah, sistem, metod dan yang lainnya.

Berdasarkan pernyataan di atas maka pembahasan tentang dasar atau asas perlantikan ketua negara di dalam sistem demokrasi Pancasila dan sistem *Syūra* adalah sangat penting. Kerana asas suatu konsep atau sistem akan memberikan pengaruh dalam pelaksanaannya. Apabila asas suatu konsep atau sistem itu kuat dan jelas maka pelaksanaannya akan berjalan dengan sama ada dan benar. Penyimpangan-penyimpangan yang terjadi dalam pelaksanaan sistem tersebut akan semakin sedikit. Sebaliknya apabila asas suatu sistem itu rapuh dan tidak jelas, maka akan terjadi banyak penyimpangan-penyimpangan dalam pelaksanaannya. Bahkan boleh saja penyimpangan itu menjadi suatu yang dianggap benar kerana ianya tidak bercanggah dengan asas sistem itu sendiri.

## 2.1. DASAR HUKUM PERLANTIKAN KETUA NEGARA DALAM DEMOKRASI PANCASILA.

Perlantikan ketua negara dalam demokrasi Pancasila berdasarkan kepada UUD 1945. Di mana di dalam UUD 1945 hanya terdapat satu pasal yang mengatur tentang perlantikan ketua negara. Iaitu pasal 6 ayat 1 dan 2. Hal ini mengakibatkan lemahnya dasar hukum perlantikan ketua negara dalam sistem demokrasi Pancasila. Dalam perlembagaan tidak disebutkan suatu keharusan untuk melaksanakan pilihan raya bagi proses perlantikan seorang ketua negara. Oleh kerana itu Soekarno dilantik menjadi ketua negara tidak berdasarkan hasil pilihan raya. Begitu juga Soeharto berhasil menjadi ketua negara pada tahun 1967 adalah hasil "rampasan kuasa" secara senyap. Bukan hasil dari suara rakyat dalam pilihan raya.

UUD 1945 yang memiliki banyak kelemahan dan cacat ini selalu diagung-agungkan oleh rezim Soekarno dan Soeharto. Dalam masa pemerintahan dua rezim ini tiada yang berani melakukan kritikan secara langsung ke atas UUD 1945. Kerana hal ini akan dianggap sebagai suatu pengkhianatan terhadap negara Republik Indonesia. Namun setelah jatuhnya Soeharto mulailah para sarjana hukum, ahli-ahli politik serta para intelektual berani membongkar kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam UUD 1945. Di antara kelemahan-kelemahan UUD 1945 tersebut adalah:

a. Pembentukan UUD 1945 di Bawah Kekuasaan Kolonialisme Jepun.

UUD 1945 disusun di bawah pengaruh dan kekuasaan kolonialisme Jepun. BPUPKI (Badan Penyelidik Usaha-usaha Persiapan Kemerdekaan Indonesia) yang menyusun UUD 1945 merupakan suatu badan yang dibentuk oleh penjajah Jepun. Ketua BPUPKI adalah seorang perwira Jepun.<sup>2</sup> Begitu juga PPKI (Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia) yang wujud setelah pembubaran BPUPKI juga merupakan hasil dari penjajah. Realiti ini menunjukkan bahawa pembentukan UUD 1945 sangat dipengaruhi oleh kekuasaan penjajah Jepun.

BPUPKI terdiri dari 62 ahli yang merupakan bangsa Indonesia asli dan 6 orang anggota dari bangsa Jepun (salah satunya menjadi ketua BPUPKI). Sebahagian besar keahlian BPUPKI berdasarkan usulan Soekarno dan Moh. Hatta. Dilihat dari kecenderungan ideologi, maka golongan kebangsaan/nasionalisme lebih dominan daripada golongan Islam. Mengikut Abdul Kahar Muzakkir -seorang tokoh Muhammadiyah yang menjadi ahli BPUPKI- ahli

BPUPKI yang mewakili umat Islam hanya 17 orang ahli.<sup>3</sup> Kesemua ahli BPUPKI tersebut dilantik atas persetujuan kolonialisme Jepun.

Tidaklah aneh apabila perdebatan dalam sidang-sidang BPUPKI, tokoh-tokoh seperti Soekarno, Soepomo dan yang lainnya menempatkan Jepun sebagai sahabat.<sup>4</sup> Sikap ini bukan sekadar strategi politik tapi bahkan telah merasuk ke dalam cara berfikir kebanyakan ahli-ahli BPUPKI. Sebagai contoh, menurut Soepomo paham/sistem yang sesuai untuk bangsa Indonesia adalah seperti yang diterapkan di Jepun dan Jerman ketika itu. Walaupun sistem yang diterapkan di kedua negara tersebut adalah sistem fasisme dan totalitarianisme, Soepomo tetap memuji dan menyanjung sistem tersebut.<sup>5</sup>

Dr. Jimly Asshiddiqie, S.H dengan tegas menyatakan bahawa dalam penyusunan UUD 1945 kebanyakan ahli-ahli BPUPKI dipengaruhi oleh sistem fasisme dan totaliter yang ada di Jepun dan Jerman. Ia mengatakan: "Dari kutipan di atas, jelas bahawa di satu pihak Soepomo --dan ini mempengaruhi jalan pikiran banyak anggota BPUPKI lainnya-- menolak paham yang berkembang di negara-negara sekutu yang bersifat liberal dan komunis yang berada dalam satu front dan dianggap mendukung kolonialisme dan imperialisme; di pihak lain, Soepomo memuji negara totaliter dan fasi seperti Jerman dan Jepang".<sup>6</sup>

b. UUD 1945 Adalah Bersifat Sementara.

Merujuk kepada pidato Ir. Soekarno di hadapan ahli PPKI (Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia) dalam rapat pertama sehari setelah kemerdekaan Republik Indonesia, dengan nyata dan jelas bahawa UUD 1945 merupakan UUD sementara yang dibuat secara tergopoh-gopoh (istilah Soekarno: secara kilat atau UUD *revolutiegrondwet*<sup>1</sup>)<sup>2</sup>. Ianya belum lengkap dan jauh dari sempurna. Tidak ada satu orang ahli PPKI saat itu yang membantah pernyataan Soekarno. Hal ini menunjukkan bahawa UUD yang baru disahkan itu adalah bersifat sementara untuk memenuhi syarat konstitusi Republik Indonesia yang baru lahir.

Al Chaidar seorang pakar politik muda mengatakan: "...Bagaimanapun, Pancasila dan UUD 1945 bukan cerminan murni keinginan rakyat Indonesia. Pancasila dan UUD 1945 hanyalah buatan tokoh-tokoh pejuang masa lalu yang masih dalam taraf mencoba-coba dan belum matang betul secara ideologi maupun politik. Dan mereka bukan orang-orang yang hidup bersama orang miskin dan merasakan betapanya ujian-ujian hidup yang menyertainya saban (setiap hari...)".<sup>3</sup>

Secara hukum realiti ini akan semakin jelas apabila kita merujuk kepada pasal 3 UUD 1945.<sup>4</sup> Di mana MPR mempunyai tugas utama untuk menyusun Undang Undang Dasar dan Garis-garis Besar Haluan Negara. Ini menyiratkan bahawa penyusunan UUD belum lagi selesai dan ianya merupakan tugas utama

---

<sup>1</sup> Undang-undang Revolusi.

MPR untuk mempersama adai UUD 1945.<sup>10</sup> Oleh kerana itu dalam perjalanan sejarah, negara Republik Indonesia pernah berubah menjadi negara Republik Indonesia Serikat (RIS). Dalam masa ini perlembagaan yang berlaku bukan UUD 1945 tetapi UUD RIS. Setelah Indonesia kembali menjadi negara kesatuan diadakanlah pilihan raya pertama pada tahun 1955. Konstituante (parlimen) hasil pilihan raya 1955 mempunyai agenda utama menyusun UUD yang baru.

#### c. UUD 1945 Memiliki Banyak Kelemahan-kelemahan Hukum.

Asas hukum perlantikan ketua negara dalam sistem demokrasi Pancasila adalah berdasarkan perlembagaan iaitu UUD 1945. Di dalam UUD 1945 akan didapati Pasal-pasal yang berkaitan dengan perlantikan ketua negara adalah sangat sedikit. Hanya ada dua pasal yang mengatur tentang perlantikan ketua negara iaitu:

1. Pasal 6 Ayat 1: Presiden ialah orang Indonesia asli.
2. Pasal 6 Ayat 2: Presiden dan Wakil Presiden dipilih oleh Majelis Permusyawaratan Rakyat dengan suara terbanyak.

Adapun pasal-pasal yang berkaitan dengan institusi yang melantik ketua negara iaitu MPR sangatlah sedikit. Di antara pasal-pasal yang berhubungan dengan badan legislatif ini adalah:

1. Pasal 2 Ayat 1: Majelis Permusyawaratan Rakyat terdiri atas anggota-anggota (ahli-ahli) Dewan Perwakilan Rakyat ditambah dengan utusan-utusan dari daerah-daerah dan golongan menurut aturan yang ditetapkan dengan undang-undang.

2. Pasal 2 ayat 2: Majelis Permusyawaratan Rakyat bersidang sedikitnya sekali dalam lima tahun.

Melihat dari realiti di atas nampak bahawa asas hukum perlantikan ketua negara dalam demokrasi Pancasila adalah sangat rapuh. Banyak lobang-lobang hukum yang dapat diterobos demi kepentingan kelompok tertentu. Hukum yang tidak jelas ini telah menolong terjadinya penyimpangan-penyimpangan dalam proses perlantikan ketua negara secara konstitusional.

Undang-undang pilihan raya yang tidak jelas, aturan main yang kabur, hukum yang lemah, semua ini merupakan ciri utama pilihan raya di Indonesia. dan semua ini adalah atas nama perlembagaan. UUD 1945 tidak menentukan secara tegas sistem pilihan raya. Undang-undang pilihan raya dibuat oleh kerajaan kemudian disahkan oleh Parlimen. Apabila suatu elit politik/parti politik telah menguasai majoriti parlimen (separoh ditambah satu) maka mereka dapat mencipta UU pilihan raya yang dapat menjamin ~~keamanan~~ kemenangan mereka dalam setiap pilihan raya. Kondisi ini telah dimanfaatkan dengan sama ada oleh rezim Soekarno maupun Soeharto.

Dalam pilihan raya 1992 terdapat 1019 pencabulan terhadap Undang-undang Pilihan Raya. Pencabulan tertinggi dilakukan oleh badan yang melaksanakan pilihan raya (618) yang dibentuk oleh kerajaan. kemudian diikuti oleh birokrasi kerajaan/kaki tangan kerajaan (296 pencabulan), dan pihak keamanan (polis, askar dan lainnya) sebanyak 71 pencabulan.<sup>11</sup> Data ini hanya meliputi negeri Jakarta, Surabaya dan Yogyakarta. Ini hanya data dari tiga negeri

daripada 27 negeri yang ada di Indonesia. Dapat dibayangkan berapa banyak pencabulan Undang-undang yang berlaku di seluruh Indonesia!

Pencabulan terhadap Undang-undang pilihan raya ini dilakukan dengan terrencana dan terang-terangan.<sup>12</sup> Dan kebanyakan pelanggaran tersebut tidak mendapat hukuman kerana sememangnya dalam Undang-undang pilihan raya tidak ada sanksi terhadap banyak pelanggaran.<sup>13</sup> Ertinya pelanggaran dan pencabulan tersebut adalah sah dan benar di sisi Undang-undang. Dan ini semua tidak bercanggah dengan perlembagaan iaitu UUD 1945. Kerana UU pilihan raya tersebut telah dibuat sesuai dengan prosedur perlembagaan.

#### d. UUD 1945 Mmeberi Peluang Kepada Para Diktator Untuk Hidup.

Oleh kerana itu UUD 1945 selalu dipuja-puja oleh pemimpin yang gila kekuasaan. Salim Said seorang pengamat politik mengatakan: “semua orang yang ingin berkuasa pasti senang dengan UUD ’45. Mereka akan terus mensakralisasi UUD demi kelanggengan kekuasaannya. Ini sudah terbukti dengan kepemimpinan Soekarno dan Soeharto yang selalu menutup peluang perubahan UUD ’45”.<sup>14</sup>

Eep Saifullah Fatah seorang pengamat politik mengatakan bahawa UUD 1945 mempunyai problem teks dan problem konteks. Problem teks, UUD ’45 terbukti tidak memadai untuk menyokong pembentukan masyarakat Indonesia baru yang demokratis...dalam problem konteks, kata Eep, sejarah membuktikan bahawa Soekarno dan Soeharto telah menjadikan UUD ’45 sebagai alat

otoritarianisme”.<sup>15</sup> Bahkan Sulardi seorang pensyarah Fakulti Hukum Universiti Muhammadiyah Malang menyatakan: “tak diragukan apa yang dikatakan pakar hukum, politik, bahkan awam, bahawa UUD 1945 mengarah pada suatu pemerintahan diktator”.<sup>16</sup>

Di samping itu lembaga legislatif hanyalah sebagai wayang ditengah panggung opera. Ia hanya sebagai pelengkap perlombagaan yang meratifikasi tindakan para eksekutif atau kelompok politik tertentu. Prof Mahmud M.D mengatakan: “Tetapi dalam kenyataannya kedua lembaga tersebut hanyalah eksis<sup>i</sup> sebagai lembaga yang dibuat untuk memenuhi syarat formal konstitusional, kedua lembaga ini tidak sekuat yang dituntut oleh oleh substansi konstitusi. Dalam kenyataannya eksistensinya justru lebih banyak dipengaruhi oleh atau diwarnai oleh kekuatan eksekutif”.<sup>17</sup>



Mengikut Dr Adnan Buyung Nasution seorang pakar hukum, UUD 1945 adalah punca terjadinya KKN (Korupsi, Kolusi, Nepotisme). Buyung lantas mengungkap kunci kelemahan mengapa UUD '45 menjadi inspirasi bagi berlakunya KKN pada masa Orba di bawah kendali Presiden Soeharto. Kelemahan-kelemahan hukum dalam UUD '45 memberi peluang kepada Soeharto untuk membangun pilar-pilar kekuasaan di tiga bidang yang amat strategis, TNI, birokrasi, dan pengusaha konglomerat”.<sup>18</sup>

---

<sup>i</sup> Wujud.

Ia menambahkan: "Mengingat kronisnya, persoalan KKN ini, kerana yang menjadi sumber utamanya kelemahan UUD '45, sehingga tak ada jalan lain harus mengubah UUD '45".<sup>19</sup>

:

#### e. Pembahagian Kekuasaan yang Tidak Seimbang.

Sebenarnya kelumpuhan lembaga legislatif berpunca dari konstitusi/perlembagaan yang lemah dan tidak jelas. UUD 1945 lebih memanjakan lembaga eksekutif dan negara dengan kekuasaan yang sangat besar. Sedangkan posisi badan hukum legislatif, yudikatif serta hak rakyat dalam perlembagaan hanya mendapat tempat yang lebih kecil dan tidak jelas. Hal ini jelas memberi peluang bagi munculnya kekuasaan yang otoriter. Jadual I di bawah ini memperlihatkan jumlah ayat yang terdapat di dalam perlembagaan (UUD 1945) tentang negara, rakyat, legislatif eksekutif dan yudikatif.

.....

UUD 1945 merupakan punca ketidak seimbangan kehidupan politik di Indonesia. Arbi Sanit seorang pakar politik Indonesia mengatakan: "keseluruhan kelemahan kehidupan politik tersebut diatas, pertama kalinya berpangkal kepada UUD 1945. Ketidakseimbangan kekuasaan antarkomponen negara yang diatur dalam UUD, melegalisasikan penerapannya terhadap struktur kekuasaan dan proses politik".<sup>20</sup>

### Jadual I

#### Distribusi Ayat dan Bab Tunggal Ayat UUD 1945 Mengikut Komponen

##### Negara

KOMPONEN NEGARA	JUMLAH AYAT/BAB TUNGGAL AYAT	PERATUSAN
1. NEGARA	24	31.58%
2. RAKYAT	12	15.79%
3. LEGISLATIF	13	17.11%
4. EKSEKUTIF	24	31.58%
5. YUDIKATIF	3	3.95%

f. Sarjana-sarjana Hukum dan Ahli Politik Mengatakan: “Rubah UUD 1945”.

Kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam UUD 1945 telah diakui oleh sarjana hukum, pakar politik, serta para ahli-ahli politik. Hal ini seakan-akan telah menjadi “Ijma’’. Mereka semua menyuarkan agar dilakukan perubahan terhadap perlombagaan. Aspirasi ini disokong penuh oleh masyarakat Indonesia. Tidak terdengar bantahan yang bermakna kecuali dari parti PDI-P (Parti Demokrasi Indonesia Perjuangan), yang diketuai oleh Megawati Soekarno Putri anak dari pemimpin diktator Soekarno.

Dalam seminar yang bertajuk “Mengkaji Penyempurnaan UUD ’45 Menuju Indonesia Baru” yang diadakan oleh Lemhannas (Lembaga Pertahanan Nasional), Jakarta 31-8-1999, wakil dari PDI-P, Amin Arjoso menyatakan bahawa

UUD '45 tidak perlu dirubah tapi hanya ditambah dengan Tap MPR (Ketetapan MPR) atau diatur dalam Undang-undang sahaja.<sup>21</sup> Pendapat ini dibantah oleh Eep Saifullah fatah, Ia mengatakan: "Amandemen adalah agenda kita bersama yang harus direspon partai politik sebagai pemain utama di Sidang Umum MPR nanti. Dalam hal ini saya boleh kecewa dengan sikap Megawati atau PDI-P yang sangat enggan melakukan perubahan".<sup>22</sup>

Meski demikian, amendemen UUD '45 bukan hal yang cukup. Amandemen harus diimbangi dengan restrukturisasi politik nasional. Katanya: "Amandemen bukanlah akhir segalanya, dia hanya merupakan *entry point* dalam proses demokrasi kita".<sup>23</sup>

Eep menambahkan: "kalau amandemen cukup dilakukan dengan Tap MPR atau UU, maka Pak Harto adalah rajanya amandemen kerana dia berkali-kali membuat UU yang bertentangan dengan UUD '45". Pendapat ini disokong oleh pakar hukum Harun al-Rasyid, pengamat politik AS Hikam dan Salim Said serta ketua umum PKB Matori Abdul Jalil.<sup>24</sup>

AS Hikam seorang pengamat politik mengatakan:"Saya bisa mengerti mengapa PDI-P cenderung defensif kerana UUD '45 itu memang memberi peluang eksekutif menjadi kuat. Tapi ini bagaimana bila baru mau berkuasa saja PDI-P sudah ragu-ragu, defensif dan mempunyai keinginan memperkuat presidennya".<sup>25</sup>

UUD 1945 juga merupakan punca utama timbulnya gejala KKN ditengah masyarakat Indonesia dan terjadinya pemusatan kekuasaan. Oleh kerana itu mengikut pakar hukum Dr. Adnan Buyung Nasution dalam seminar sehari bertajuk “Menguak Tabir Hukum Tentang Kasus KKN Pasca Razim Orba” di Jakarta, tak ada jalan lain harus mengubah UUD '45.<sup>26</sup>

Perubahan ke atas UUD 1945 adalah suatu keharusan yang pasti. Agar tidak muncul lagi diktator-diktator baru yang akan mencemarkan kehidupan politik di bumi Pertiwi. “Ketua DPP Parti Golkar, Fahmi Idris menegaskan jika Undang-Undang Dasar (UUD) 1945 tidak amandemen secara mendasar khususnya yang berhubungan dengan pasal-pasal tentang dominansi kekuasaan presiden (eksekutif), maka tidak bisa terhindarkan akan muncul Soekarnois dan Soehartois baru”.<sup>27</sup>

Hasballah M Sa'ad seorang tokoh PAN menyatakan bahawa Pan sejak berdirinya telah menyantumkan perlunya mengubah UUD 1945, yang di dalam pasal-pasalnya sudah tidak sesuai lagi dengan nuansa (suasana) reformasi. Pasal-pasal itu terutama yang meyangkut kekuasaan presiden yang terdapat pada lembaga legislatif dan yudikatif.<sup>28</sup>

Anhar Gonggong pensyarah Fakulti Sastra Universiti Indonesia menyatakan ada dua sebab mengapa UUD 1945 harus diamandemen: pertama, alasan konstitusional yaitu sifat dan kedudukan UUD '45 itu adalah sementara dan ini diakui dan dijelaskan pula oleh Soekarno, perdokumen. Yang kedua, UUD

1945 ini kurang dapat lagi digunakan untuk menghadapi tuntutan dinamika kekinian kita, maupun tuntutan dinamika di hari depan... Hal ketiga yang memancing kita menerima kehendak mengamandemen UUD '45 itu, ialah taruhan bagi nasib generasi yang sedang tumbuh untuk menjadi dewasa dan menjadi pengatur kehidupannya sendiri setelah kita tinggalkan.<sup>29</sup>

Jadi krisis-krisis sosial politik yang terjadi di dalam demokrasi Pancasila adalah bersumber kepada perlombagaan iaitu UUD 1945. Oleh kerana itu UUD 1945 harus dirubah demi mengakhiri gejolak politik yang datang silih berganti. Pancasila yang menjadi bahan pujaan yang disucikan adalah suatu ide manusia yang penuh dengan segala kekurangannya. Ia bukan suatu yang mutlak benar tapi bahkan merupakan suatu sistem yang rapuh dan penuh dengan kecacatan.

Prof. Dr. Alwi Dahlán, yang pernah menjadi menteri penerangan dan kepala BP-7 mengatakan: “kesalahan utama bangsa Indonesia terlalu mengagungkan Pancasila sebagai sesuatu yang sakti, tapi tak mau berupaya mewujudkannya”<sup>30</sup> Bangsa Indonesia bukan tidak mewujudkan Pancasila dalam kehidupan mereka. Mereka telah mencoba pada masa demokrasi Terpimpin gaya diktator Soekarno tapi mereka gagal dan harus membayar dengan mahal. Kemudian mereka mencoba lagi pada masa rezim Soeharto juga tetap gagal bahkan menelan korban nyawa, ekonomi dan gejala sosial yang sangat banyak.

Perlu disimak di sini pernyataan Al-Chaidar: “Pancasila merupakan prestasi (prestij) politik tertinggi Orde Baru, dan, oleh kerananya maka semua

prestasi lainnya dinamakan dengan istilah Pancasila. Mulai dari sistem ekonomi Pancasila, Pers Pancasila, hubungan industrial Pancasila hingga Orde Baru pun disebut sebagai Orde Pancasila. Pancasila telah menjadi berhala yang dipertuhankan oleh seluruh rakyat Indonesia. semua dosa penyembahan berhala ini mestilah ditanggung secara personal (pribadi) oleh Soeharto, Soekarno dan semua pengikut sadarnya atau antek-anteknya. Tapi anehnya, banyak partai-partai politik Islam yang masih memakai Pancasila sebagai asasnya di masa reformasi sekarang ini”.<sup>31</sup>

## 2.2. DASAR HUKUM PERLANTIKAN KETUA NEGARA DALAM SISTEM *SYŪRA*

Demokrasi Pancasila berpijak di atas suatu peraturan ciptaan manusia. Oleh kerana itu demokrasi Pancasila memiliki banyak sekali kelemahan-kelemahan. Kerana manusia itu sendiri tidak akan pernah mampu untuk mencipta suatu sistem yang sempurna luput dari cacat dan cela. Semua ini adalah wewenang dan di bawah kekuasaan Allah s.w.t sebagai *Rab* yang berhak mengatur seluruh kehidupan di jagat raya ini.

Berbeza dengan demokrasi Pancasila, sistem *Syūra* berdasarkan kepada al-Qur'an, al-Sunnah, amalan *Sahābah* r.a serta ijtiihad para ulama. Ini merupakan asas yang sangat kukuh bagi suatu negara. Asas seperti ini akan membawa suatu negara menjadi aman, damai dan makmur.

Al-Qur'an merupakan kitab suci yang seluruh kandungannya adalah al-Haq. Dan tiada seorangpun yang dapat mengubahnya.

Firman Allah s.w.t:

وَتَعْلَمُ كُلِّ الْكَلِمَاتِ رَبُّكَ صَدِيقًا وَ عَدْلًا وَ لَا مُنْدَلٌ لِكَلِمَاتِهِ وَ هُوَ السَّمِيعُ

الْعَلِيمُ

Maksudnya: dan telah sempurna kalimat Tuhanmu (al-Qur'an, meliputi hukum-hukum dan janji-janjinya) dengan benar dan adil; tiada sesiapa yang dapat mengubah kalimah-kalimahNya; dan Dialah yang sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Mengetahui.

Surah al-An'ām (6):115

Imam Qatādah dalam menafsirkan ayat ini mengatakan: "Benar segala apa yang Dia (Allah) katakan dan adil segala hukumNya...seluruh yang diberitakan melalui al-Qur'an adalah kebenaran yang tidak dikerugui dan disyaki, seluruh yang diperintahkan adalah keadilan yang tidak tertandingi, seluruh yang dilarang adalah kebatilan, kerana Allah s.w.t tidak akan melarang melainkan perkara yang merusak".<sup>32</sup>

Al-Qur'an meliputi seluruh permasalahan kehidupan manusia. Ia akan membawa manusia kepada kebahagian sejati di dunia dan akhirat. Firman Allah s.w.t:

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تِبْيَانًا لِكُلِّ شَيْءٍ

Maksudnya: ...dan Kami turunkan kepadamu al-Qur'an menjelaskan tiap-tiap sesuatu...

Surah al-Nahl (16):89

Al-Qur'an merupakan hukum tertinggi yang menjadi rujukan bagi setiap ketetapan hukum. Ia adalah sesama ada-sama ada hukum bagi manusia. Sedangkan segala hukum yang bercanggah dengan kehendak al-Qur'an dan al-Sunnah adalah hukum *jahiliyyah*. Hukum tersebut akan membawa kehancuran kepada manusia. Firman Allah s.w.t:

أَفَحُكْمُ الْجَاهِلِيَّةِ يَنْغُونَ وَمَنْ أَحْسَنَ مِنَ اللَّهِ حُكْمًا لِقَوْمٍ يُقْنَوْنَ

Maksudnya: Sesudah itu, patutkah mereka berkehendak lagi kepada hukum-hukum Jahiliyah? Padahal -kepada orang-orang yang penuh kayakinan- tidak ada sesiapa yang boleh membuat hukum yang lebih sama ada daripada Allah.

Surah al-Māidah (5):50

Imam Ibnu Kathir berkata: "Allah melarang dan mengutuk sesiapa yang keluar dari hukum Allah yang meliputi segala kesama adaan dan mencegah segala bentuk kejahatan, kemudian berpaling kepada pandangan-pandangan, kehendak hawa nafsu dan istilah-istilah yang dibuat orang tanpa bersandar kepada syariat Allah.<sup>33</sup>

Di samping itu, Syariat Islam merupakan hukum yang bersifat universal sesuai untuk setiap tempat dan waktu. Firman Allah s.w.t:

تَبَارَكَ الَّذِي نَزَّلَ الْفُرْقَانَ عَلَىٰ عَبْدِهِ لِيَكُونَ لِلنَّاسِ نَذِيرًا

Maksudnya: Maha berkat Tuhan yang menurunkan al-Furqaan ke pada hambaNya (Muhammad), untuk menjadi peringatan bagi seluruh penduduk alam.

Al-Furqān (25):1

Hukum-hukum dan konsep yang terdapat di dalam al-Qur'an ini telah diterapkan langsung oleh Rasulullah s.a.w. Kemudian dilanjutkan oleh para sahabat sehingga pemerintahan Islam menjadi kuasa besar di dunia. Semua ini dapat dilihat dalam kitab-kitab sejarah. Ini membuktikan bahawa sistem yang Islam berikan adalah sesuai untuk setiap masa, tempat dan berbagai kaum. Sistem Islam telah memimpin dunia Islam selama 14 abad dan tetap berlaku di beberapa kerajaan Islam sehingga saat ini.

Dari keterangan di atas jelas bahawa perlantikan dalam sistem *Syūra* mempunyai pijakan yang kukuh yang tidak tergoyahkan. Ianya berasaskan kepada wahyu dan kalam Allah s.w.t. Dialah yang mengetahui hajat dan kebutuhan yang sesuai untuk seluruh manusia. Oleh kerana itu segala peraturan hukum yang berasal dari Allah s.w.t adalah yang paling sesuai untuk kehidupan manusia.

### **3. SYARAT KETUA NEGARA ANTARA DEMOKRASI PANCASILA DAN SISTEM *SYŪRA*.**

#### **3.1. KEBANGSAAN KETUA NEGARA**

Demikianlah telah dibuktikan bahawa UUD 1945 yang menjadi asas bagi demokrasi Pancasila memiliki banyak kelemahan-kelemahan sehingga ia menjadi punca krisis politik, sosial dan ekonomi terhadap bangsa Indonesia. Oleh kerana itu tidaklah menghairankan apabila dalam syarat-syarat seorang ketua negara yang terdapat di dalam perlembagaan (UUD 1945) adalah sangat kabur.



Dalam UUD 1945 Pasal 6 Ayat 1 disebutkan bahawa syarat seorang Presiden itu mestilah "orang Indonesia Asli". Tidak terdapat persyaratan lainnya mengenai diri seorang ketua negara. Bahkan sampai di mana tafsiran istilah "asli" ini, tidak diterangkan dalam penjelasan UUD ini.<sup>34</sup> Apakah maksud daripada "asli" itu adalah rakyat pribumi asli? Sehingga orang keturunan Cina, India, Arab dan lainnya tidak berhak untuk menjadi ketua negara? Atau yang dimaksud dengan asli adalah berdasarkan *natural born citizen*<sup>35</sup> seperti pendapatnya Prof. Dr. Bagir

Manan S.H. Sehingga siapa yang lahir di Indonesia berhak untuk menjadi Presiden, dari mana pun suku bangsanya?

Dalam Ketetapan MPR No. II tahun 1973 yang kemudian dirubah dengan Tap MPR No. VI Tahun 1999. Di dalam BAB I, Pasal I; tentang syarat-syarat calon presiden dan wakil presiden, disebutkan bahawa calon Presiden dan Calon Wakil Presiden ialah warga negara Indonesia. Ertinya setiap warga negara Indonesia tanpa memandang asal keturunan berhak untuk menjadi Presiden. Siapapun sama ada dia orang Cina, India, Arab dan lainnya berhak untuk menjadi ketua negara apabila dia merupakan warga negara Indonesia.

Di dalam sistem *Syūra* kebangsaan seorang calon ketua negara tidak di ambil kira. Setiap suku, bangsa dan warna kulit adalah sama dalam pandangan Islam. Mereka semua adalah manusia dan berhak untuk hidup sempurna sebagai seorang manusia. Rasialisme yang berasaskan warna kulit seperti yang berlaku di negara-negara barat adalah sangat dikutuk oleh Islam. Atau politik anti pendatang asing yang diamalkan oleh parti *One Nation* di Australia, adalah sangat dicela oleh Islam.

Allah s.w.t berfirman:

جَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا يَأْيَهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى وَ

وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْقَاصُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksudnya: "Wahai umat manusia! Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).

Surah al-Hujurāt (49):13

Menurut Imam Mujāhid dan Sufyān al-Thaurī, Allah s.w.t menjadikan manusia dengan berlainan warna kulit, suku dan bangsa agar mereka mudah untuk dikenali. Seseorang akan mudah diketahui asal usul keturunannya, sukunya dan bangsanya.<sup>36</sup> Sehingga memudahkan manusia untuk saling berinteraksi dan menjadi masyarakat yang harmoni. Perbezaan warna kulit dan bangsa tersebut bukan untuk mendiskriminasikan antara sesama manusia.

### 3.2. AGAMA KETUA NEGARA

Namun demikian di dalam sistem *Syūra* seorang ketua negara mestilah beragama Islam. Seperti yang telah disebutkan dalam Bab II syarat ini adalah suatu kewajaran. Kerana suatu sistem akan terlaksana dengan sama ada apabila dilakukan oleh orang-orang yang yakin dengan sistem dan ideologi tersebut. Suatu sistem liberal tidak akan mungkin dilaksanakan oleh seorang pemimpin

yang komunis. Begitu juga sebaliknya sistem komunis tidak akan terlaksana di bawah pimpinan seorang yang menganut faham liberalisme.

Kita dapat melihat bahawa suatu negara yang menganut Idiologi kapitalisme dan liberalisme tidak akan membolehkan seorang yang komunis menjadi ketua negara. Jangankan jawatan ketua negara, jawatan-jawatan penting di bawah ketua negara pun mereka tidak memberi kesempatan. Dalam sejarah ketua negara di Amerika -sebagai contoh- tidak pernah ada seorang presiden yang menganut fahaman komunis. Begitu juga sebaliknya, negara komunis tidak akan membincangkan seorang kapitalis liberal menjadi ketua negara mereka.

Kita tidak akan pernah melihat seorang muslim yang tinggal di Israel dapat menjadi ketua negara. Mengapa? Jawabannya sederhana kerana ianya bukan seorang yang beragama Yahudi. Begitu juga rakyat Israel yang beragama Kristian tidak akan berangan-angan menjadi seorang ketua negara, kerana ianya yakin bahawa rakyat Yahudi tidak akan memilihnya.<sup>36</sup> Oleh kerana itu adalah wajar apabila seorang ketua negara dalam suatu negara Islam harus seorang yang beragama Islam.

Oleh kerana itu dalam sistem *Syūra* syarat pertama seorang ketua negara haruslah beragama Islam. Ini merupakan ijma' para ulama'.<sup>37</sup> Syarat ini adalah hal yang wajar dan dapat diterima akal. Kerana seorang ketua negara hendaklah menganut keyakinan dan ideologi yang diyakini oleh rakyat yang ia pimpin. Bagaimanakah seorang yang non muslim dapat menjalankan roda pemerintahan dengan sama ada sedangkan ia tidak tahu tentang hukum-hukum syariat?

Bagaimanakah ia akan menjalankan sistem ekonomi Islam sedangkan ia buta terhadap perkara tersebut? Al-Ramlī mengatakan bahawa seorang ketua negara itu haruslah seorang muslim adalah:"untuk menjaga kemaslahatan Islam dan pemeluknya."<sup>38</sup> Oleh kerana itu syarat Islam adalah satu keharusan agar pemerintahan yang berdasarkan ajaran Islam dapat berjalan dengan maksimal.<sup>39</sup>

Di dalam UUD 1945 seorang Presiden tidak harus beragama Islam. Dalam Pasal 6 Ayat 1 disebutkan bahawa syarat seorang Presiden itu mestilah "orang Indonesia asli". Begitu juga dalam ketetapan MPR No. II tahun 1973 yang kemudian dirubah dengan Tap MPR No. VI Tahun 1999, juga tidak disebutkan seorang Presiden itu harus beragama Islam. Maka seorang yang beragama Kristian, Hindu, Budha dan lainnya dapat dan berhak untuk menjadi Presiden.

Sebenarnya dalam Rancangan Undang Undang Dasar yang dibicarakan dalam sidang BPUPKI 16 Juli 1945 kalimat ~~disebut~~ berbunyi:"**Presiden ialah orang Indonesia asli yang beragama Islam.**" Tetapi istilah "**yang beragama Islam**" ini dihapus oleh PPKI pada 18 Agustus 1945. Tidak kita jumpai alasan yang rasional yang menyokong penghapusan kalimat tersebut. Padahal sudah sewajarnya Indonesia yang majoriti rakyatnya Islam mendapat jaminan perlembagaan bahawa Presiden yang memimpin mereka adalah seorang muslim.

Peristiwa penghapusan kalimat "**yang beragama Islam**" dari pada perlembagaan tidak pernah diajarkan kepada umat Islam. Ia seakan-akan sengaja disorokkan daripada pendedahan kepada masyarakat awam. Namun setiap umat

Islam di Indonesia mesti menyedari bahawa hal tersebut adalah hak mereka. Umat Islam mesti sentiasa berusaha untuk mengembalikan hak mereka yang hilang tersebut.

Apabila kalimat “**yang beragama Islam**” dihapuskan, kata “asli”-nya yang berbau rasialisme tidak dihilangkan. Sampai di mana tafsiran istilah “asli” ini, tidak diterangkan dalam penjelasan UUD ini.<sup>40</sup>

Pertanyaannya sekarang adalah apakah perlu menambahkan syarat agama Islam dalam perlembagaan UUD 1945? Jawabannya adalah: harus dan mesti. Ini berdasarkan kepada beberapa alasan:

1. majoriti rakyat Indonesia adalah beragama Islam. Lebih dari 85% rakyat Indonesia beragama Islam. Selebihnya terbahagi kepada agama Kristian Katolik, Protestan, Hindu dan Budha. Melihat komposisi rakyat Indonesia tersebut adalah suatu yang wajar dan merupakan suatu keharusan seorang Presiden itu beragama Islam. Hal ini untuk menjaga keseimbangan sosial dan politik di Indonesia. Umat Islam di Indonesia jelas tidak akan pernah menerima seorang Presiden yang bukan Islam. Untuk menjamin kepentingan umat Islam itu maka perlu dicantumkan persyaratan seorang ketua negara harus beragama Islam.
2. Kalau ada yang mengatakan bahawa hal tersebut tidak perlu kerana walaupun tidak dicantumkan dalam perlembagaan, Presiden yang terpilih tetap juga orang Islam. Kerana majoriti umat rakyat Indonesia adalah beragama Islam mereka pasti akan melantik seorang Presiden yang beragama Islam juga.

Hujjah ini adalah tidak tepat. **Pertama**, kerana apabila benar Presiden yang terpilih tetap orang Islam dan itu merupakan suatu kepastian mengapa kita ragu dan tidak berani mencantumkannya di dalam perlembagaan! Hasilnya telah pasti dan itu merupakan kehendak rakyat maka sewajarnya ia dicantumkan dalam perlembagaan. **Kedua**, umat Islam selalu lupa dan sudah sering tertipu oleh para pemimpin yang bermulut manis. Dahulu, di awal-awal kemerdekaan tepatnya sehari setelah proklamasi kemerdekaan Soekarno dan Hatta telah membujuk bangsa Indonesia untuk menghapus kata "dan beragama Islam" (dalam syarat seorang Presiden) dan kalimat "kewajiban menjalankan syariat Islam bagi pemeluk-pemeluknya" (dalam sila pertama Pancasila) daripada perlembagaan. Bujukan ini dengan janji bahawa apabila keadaan telah aman maka hal tersebut dapat dibahas kembali.<sup>41</sup> Namun janji-janji tersebut hanyalah tinggal janji. Telah lewat setengah abad namun realisasi terhadap janji tersebut tidak pernah wujud. Oleh kerana itu permasalahan agama ketua negara tidak cukup dengan hanya janji-janji manis dimulut sahaja. Hal ini mesti dituliskan di dalam perlembagaan.

3. Persyaratan seorang presiden harus beragama Islam merupakan cita-cita para pendiri negara Indonesia. Syarat telah tercantum di dalam Piagam Jakarta yang merupakan hasil kompromi dua kelompok: Islam dan nasionalis. Di mana syarat tersebut telah disetujui oleh seluruh ahli BPUPKI. Namun syarat tersebut telah dimentahkan lagi sehari setelah kemerdekaan Indonesia! Konon kabarnya syarat tersebut dirubah kerana ada keberatan yang disampaikan oleh Kolonel Shegetada Nishijima seorang olsir angkatan laut Jepun yang mewakili golongan kristian di Indonesia timur.<sup>42</sup>

Terlepas dari semua itu syarat beragama Islam bagi Presiden Indonesia merupakan aspirasi dan cita-cita pendiri Negara Indonesia. Hal ini nampak dalam kesepakatan mereka mengenai persyaratan ini. Maka sudah seharusnya syarat ini dimasukkan dalam perlembagaan.

### 3.3. JENIS KELAMIN KETUA NEGARA

Di dalam UUD 1945 dan Ketetapan MPR No. II tahun 1973 yang kemudian dirubah dengan Tap MPR No. VI Tahun 1999, tidak disebutkan pembatasan jenis kelamin bagi seorang ketua negara. Oleh kerana itu di dalam demokrasi Pancasila setiap rakyat Indonesia sama ada lelaki atau perempuan mempunyai hak yang sama untuk menjadi seorang Presiden.

Berbeza dengan demokrasi Pancasila, sistem *Syūra* dengan tegas mengharuskan seorang Presiden itu adalah lelaki bukan perempuan. Para ulama dan seluruh mazhab-mazhab dalam Islam sepakat bahawa seorang perempuan tidak boleh menjadi ketua negara.<sup>43</sup>

Syarat ini menunjukkan bahawa seorang perempuan tidak boleh menjadi ketua negara. Ini sudah menjadi Ijma' ulama serta berlandaskan kepada dalil-dalil berikut:

1. Firman Allah s.w.t:

الرِّجَالُ قَوْمٌ عَلَيْ النِّسَاءِ

Maksudnya: Lelaki itu adalah pemimpin perempuan

Surah al-Nisā' (4):34

Para ulama tafsir seperti Ibn ‘Abbās, Muqātil, al-Sadī, al-Dahāk dan lainnya mengatakan bahawa ayat ini menunjukkan bahawa lelaki adalah pemimpin wanita. Ini adalah berlaku am dalam berbagai bidang kehidupan.<sup>44</sup>

Mungkin ada yang membantah bahawa ayat di atas khas berkaitan dengan permasalah keluarga. Walaupun demikian hujjah ayat tersebut tetap berlaku. Kerana kalau seandainya wanita lemah kedudukannya dalam keluarga yang terdiri dari sekelompok kecil individu, tentulah ia akan lebih lemah dari mengatur permasalah masyarakat yang lebih besar dan kompleks.

4. Sabda Rasul s.a.w:<sup>45</sup>

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَنْ يَفْلُحَ قَوْمٌ وَلَنْ يُؤْمِنُوا أَمْرَهُمْ إِذَا رَأَاهُمْ

Maksudnya: Rasulullah s.a.w bersabda: tidak akan berjaya suatu kaum yang dipimpin oleh wanita. (HR al-Bukhari, al-Hakim, Ahmad dan Ibn Hibban)

Aturan Islam yang melarang wanita menjadi seorang ketua negara bukanlah suatu penghinaan ke atas diri wanita. Namun ia merupakan suatu keadilan yang pasti dan keuntungan untuk kaum wanita. Islam dengan konsep keadilan yang universal telah memberikan posisi kepada lelaki dan wanita sesuai dengan kemampuan dan kesanggupan masing-masing. Secara fitrah penciptaannya lelaki dan wanita adalah berbeza antara satu dengan yang lainnya. Hal ini adalah untuk melaksanakan dua tugas yang berbeza untuk kedamaian dan kebahagia seluruh manusia.

### 3. Fakta Ilmiah:

Secara ilmiah telah terbukti bahawa terdapat perbezaan antara lelaki dan wanita. Di antara perbezaan tersebut adalah:<sup>46</sup>

#### a. Perbezaan Sel Tubuh Wanita dengan Sel Tubuh Pria

Perbezaan antara lelaki dan perempuan tidak hanya sekedar perbezaan bentuk tubuh. Kedua insan ini telah berbeza dari segi bentuk setiap sel tubuh mereka. Setiap sel-sel telah dibuat dengan karakter *masculine* (lelaki/jantan) bagi laki-laki dan karakter *feminin* bagi wanita...sel-sel laki-laki lebih pendek daripada sel-sel wanita. Oleh kerana itu sel-sel laki-laki lebih cepat gerakannya dari pada sel-sel wanita, lebih kuat dan dapat lebih lama bertahan daripada sel-sel wanita.

Menurut pakar kedokteran, otak pria lebih besar dari otak wanita dan bahawasanya gumpalan yang terdapat dalam sumsum pria lebih banyak daripada yang terdapat pada kaum wanita. Hal tersebut adalah perbezaan yang sangat

penting bagi lelaki dan perempuan. Kerana menurut hasil penelitian, kemampuan berfikir/rasionaliti dan kecerdasan tergantung sampai batas yang luas pada kemampuan otak dan banyaknya sel-sel yang terdapat di dalamnya.<sup>47</sup>

:

b. Perbezaan Struktur Hormon.

Lelaki dan wanita juga memiliki perbezaan struktur hormon. Sperma lelaki memiliki kepala dan di atasnya terdapat semacam topi yang agak lebar dan memiliki ekor. Ia dapat bergerak dengan cepat dan mempunyai daya tahan yang kuat dan tidak akan berhenti sampai ia menemukan sasarannya atau mati. Berbeza dengan sel telur wanita yang ukurannya lebih besar (1/5 mm) dan ia dianggap sebagai sel yang paling besar dalam tubuh manusia yang mencakup 30 miliar sel. Sel telur bergerak perlahan dan tenang, berjalan dengan lambat dan di atasnya terdapat mahkota yang mempunyai daya tarik, ia berada di tempatnya dan tidak meninggalkannya. Jika pasangannya (sperma) mendatanginya, ia akan berbuah dan jika tidak ia akan mati dan keluar bersamaan dengan keluarnya darah kotor (haid).

c. Perbezaan Fizik dan Anggota Tubuh.

Anatomi tubuh wanita berbeza jauh dari tubuh laki-laki, iaitu dalam pertumbuhan rahim dan tempat *reproductive*<sup>i</sup>. Produksi sel telur wanita sebagai alat untuk melangsungkan keturunan berbeza dengan laki-laki yang tidak memiliki rahim, sehingga bagian perut wanita pun lebih besar kerana fungsinya

untuk mengandung... Struktur tulang laki-laki dengan wanita juga sangat berbeza, dari segi kekuatannya, kekerasannya, lebaranya dan bentuknya.

Mengikut Dr Muhammad Albar, hikmat dari perbezaan yang nyata antara struktur tubuh wanita dengan struktur tubuh laki-laki secara fizik dan psikologi adalah bahawa struktur tubuh laki-laki telah dibangun untuk diterjunkan ke lapangan pekerjaan demi menjalankan kewajibannya untuk berjuang dan berusaha keras (mencari nafkah). Sebaliknya, wanita tinggal di rumah menjalankan kewajibannya yang besar dan agung yang telah diperintahkan oleh Allah s.w.t, iaitu mengandung, melahirkan, mendidik anak-anak, mempersiapkan kebutuhan rumah tangga hingga membuat senang suami ketika ia pulang kerja.<sup>48</sup>

Dr Muhammad Albar menyatakan bahawa perbezaan antara lelaki dan wanita tidak terbatas pada hal tersebut, akan tetapi lebih dari itu. Perbezaan antara dua jenis manusia ini terdapat dalam setiap sel laki-laki, dalam darahnya dan tulangnya, dalam mempersiapkan keturunan, otot-ototnya, dan dalam perbezaan hormon-hormon laki-laki dan hormon-hormon wanita. Kemudian dapat dilihat pula perbezaannya secara psikologi, iaitu dari keteguhan dan kekerasan laki-laki dan kelembutan serta kesabaran wanita.<sup>49</sup>

Wanita juga memiliki hambatan-hambatan secara biologi, sehingga ia - tidak dapat melakukan tugas-tugas lelaki dengan sempurna. Setiap bulan wanita akan melewati masa haid. Kondisi ini akan mengganggu kestabilan wanita sama ada dari segi fizik mahupun dari segi psikologi. Kemudian wanita yang normal

---

<sup>48</sup> Organ tubuh yang berfungsi memberikan zuriat.

akan mengalami masa hamil. Saat-saat kehamilan merupakan waktu di mana wanita dalam keadaan yang sangat lemah. Begitu juga di saat dan sesudah melahirkan. Kemudian wanita juga mempunyai tugas untuk menyusui anak-anaknya dengan penuh kasih dan sayang.<sup>50</sup>

Berdasarkan realiti ilmiah di atas ketetapan syariat Islam yang mensyaratkan seorang ketua negara mestilah seorang lelaki adalah tepat. Tugas dan kewajiban seorang Presiden adalah sangat berat dan mencabar. Ia memerlukan kekuatan lebih, sama ada dari segi kekuatan fizik maupun dari keteguhan mental. Kondisi seperti ini adalah tidak sesuai bagi seorang wanita. Adalah tidak adil apabila wanita dipaksa untuk melaksanakan tugas-tugas yang akan memberatkan dirinya. Hal ini akan menimbulkan ketidak seimbangan dalam tatanan sosial kemasyarakatan. Yang akhirnya akan membawa kepada kehancuran.



#### 4. Bukti sejarah:

Dari sudut kajian sejarah telah dicatat bahawa apabila pengaruh wanita telah merasuk ke dalam bidang politik maka itu merupakan suatu tanda kemunduran dan kehancuran. Dalam buku *Universal History of The World* (Vol. VII., h. 3985) terdapat perincian yang hebat dari sejarah kerajaan Yunani, Rom, Britain, Prancis dan lainnya, yang menunjukkan bahawa hancurnya suatu kebudayaan selalu bersamaan dengan gerakan wanita yang merusak dan adanya pengaruh mereka dalam kehidupan sosial dan politik.<sup>51</sup>

Mengikut Prof Arnold Toynbee, sejarah telah membuktikan bahawa zaman perpecahan biasanya adalah abad-abad di mana kaum wanita meninggalkan rumah tangganya. Dalam abad kelima di Yunani, di mana memuncaknya sejarah kuno, orang-orang wanita harus tinggal dirumah. Tetapi sesudah zaman Zulkarnain Agung, di kala negara-negara kota berpecah-belah, mulailah pergerakan wanita, seperti yang terdapat dalam zaman kita ini.<sup>52</sup>

Dalam kesempatan lain Prof Arnold Toynbee mengatakan: "Dalam sejarah, abad-abad keruntuhan, biasanya terjadi di mana kaum wanita telah meninggalkan rumah tangga". (World Review, March, 1949).<sup>53</sup> Anthony M. Ludvici dalam bukunya "Women: A Vindication", menyatakan: "dalam setiap zaman, kejatuhan wanitalah yang menonjol kelatar depan. Ini menunjukkan [menunjukkan] kenjataan [kenyataan] sejarah jang tidak dapat dibantah lagi". suatu kebobrokan dari kaum wanita.<sup>54</sup>

### 3.4. KESIHATAN TUBUH KETUA NEGARA

Kesihatan tubuh seorang Presiden bukanlah suatu syarat yang diharuskan oleh perlembagaan mahupun oleh Ketetapan MPR No. II tahun 1973 yang kemudian dirubah dengan Tap MPR No. VI Tahun 1999. Oleh kerana itu, pada tahun 1998 untuk pertama kalinya dalam sejarah bangsa Indonesia memiliki seorang Presiden yang buta dan berjalan dengan pertolongan kerusi roda! Presiden Abdurrahman Wahid atau yang terkenal dengan panggilan Gusdur adalah seorang yang pernah terkena penyakit stroke sebanyak dua kali. Sehingga badannya perlu

menerima bantuan kerusi roda untuk berjalan. Di samping itu salah satu matanya juga buta sehingga beliau akan memerlukan usaha besar ketika hendak membaca dan melakukan aktiviti-aktiviti lainnya.

:

Di dalam sistem *Syūra* seorang ketua negara mestilah sihat seluruh anggota tubuh sama ada dari segi jasmani atau rohani. Apabila seorang ketua negara memiliki penyakit atau cacat yang mempengaruhi pelaksanaan tugasnya sebagai ketua negara maka ia tidak layak untuk menjadi ketua negara.<sup>55</sup>

Seorang yang memiliki cacat atau penyakit yang dapat menganggu atau menghambat pelaksanaan tugas dan kewajiban sebagai seorang ketua negara, adalah tidak berhak untuk menjadi Presiden. Di antara penyakit yang dapat mempengaruhi seorang ketua negara dalam menjalankan tugas-tugasnya:

1. Gila. Penyakit ini akan mengganggu seorang ketua negara dari melaksanakan hukum, mentadbir negara, menjaga hak dan kewajiban rakyat, membela rakyat dari penindasan dan kezaliman. Oleh kerana itu seorang yang gila tidak dapat menjadi ketua negara.<sup>56</sup>
2. Buta. Dalam pemerintahan Islam seorang yang buta tidak boleh menjadi Qadi dan saksi, maka seseorang yang buta tidak boleh menjadi Imam (ketua negara).<sup>57</sup>
3. Bisu dan Pekak. Penyakit ini akan mempengaruhi pentadbiran dan kerja-kerja seorang ketua negara.<sup>58</sup>

4. Cacat kedua tangan atau kaki. Kerana cacat tangan atau kaki akan mengganggu kerja-kerja ketua negara.<sup>59</sup>

Penyakit dan cacat di atas harus tidak wujud di dalam diri seorang ketua negara. Seorang yang menjadi pemimpin negara mempunyai beban tugas yang sangat berat. Orang yang sihat pun tidak semuanya sanggup untuk melaksanakan dan menjalankan tugas-tugas seorang ketua negara. Apabila orang yang sihat sahaja tidak semuanya sanggup untuk menjadi ketua negara, apatah lagi orang yang yang mempunyai cacat atau penyakit yang mengganggu pelaksanaan tugas ketua negara. Di samping itu tugas-tugas ketua negara berkaitan dengan nasib rakyat yang jumlahnya sangat banyak. Apabila hak dan kemaslahatan rakyat terkendala disebabkan cacat yang dimiliki oleh ketua negara maka ia telah melakukan kezaliman yang besar. Oleh kerana itu seorang ketua negara hendaklah sihat jasmani dan rohani.

Hal ini telah terbukti dengan kepemimpinan Gusdur. Indonesia di bawah kepemimpinan Gusdur menjadi semakin terpuruk di dalam jurang kehancuran. Kerusuhan-kerusuhan berlaku hampir setiap hari. Perpaduan bangsa menjadi tergugat, dengan berlakunya pergaduhan antara suku di dalam masyarakat, seperti pergaduhan antara orang asli Kalimantan dengan pendatang Madura yang terjadi di Kalimantan. Begitu juga dengan kehidupan ekonomi. Ekonomi Indonesia tidak pernah stabil bahkan semakin terpuruk di dalam kubang hutang. Nilai Rupiah terus merosot dengan tajam hampir menyamai kejatuhan Rupiah di masa rezim Soeharto.

Jadi, seorang ketua negara mestilah seorang yang sihat dari segi jasmani dan rohani. Ini untuk menjamin berjalannya pelaksanaan tugas dan kewajiban seorang ketua negara dengan sesama ada mungkin.

:

### 3.5. KEILMUAN DAN KECAKAPAN SEORANG KETUA NEGARA

Dalam syarat-syarat yang ditetapkan oleh MPR disebutkan bahawa seorang presiden itu mesti seorang yang memiliki, "Memiliki visi kenegarawanan yang berdasar pada komitmen yang kuat terhadap persatuan dan kesatuan bangsa". **Syarat ini menunjukkan bahawa seorang Presiden mesti mempunyai pandangan/visi dalam memerintah negara.**

Syarat-syarat yang diberikan oleh MPR tersebut banyak mengundang pertanyaan-pertanyaan. Apakah syarat seorang Presiden tersebut adalah sah apabila ia mempunyai pandangan/visi dalam memerintah yang bersifat totaliter atau diktator, dengan alasan demi menjaga persatuan dan kesatuan bangsa! Pertanyaan ini bukan suatu yang dibuat-buat. Dalam masa pemerintahan Soekarno dan Soeharto, "visi kenegarawanan" keduanya cenderung ke arah pemerintahan yang diktator.

"Visi kenegarawanan" yang disyaratkan tersebut juga bersifat mengambang. Tidak ada batasan yang jelas apakah pandangan tersebut harus mencapai taraf seorang professor universiti yang mendalami bidang politik dan ilmu pemerintahan! Ataukah ianya hanya terbatas kepada pandangan-pandangan kenegaraan hasil dari pengalaman-pengalaman yang sangat bersifat relatif!

Dalam sistem *Syūra* seorang Khalifah mestilah seorang yang dapat membawa negara menuju kehidupan bernegara yang aman, damai dan makmur. **Oleh kerana itu seorang ketua negara mesti orang yang terbaik di zamannya.** Ini untuk menjamin kepentingan rakyat yang akan ia pimpin. Tidak menghairankan apabila sebahagian ulama seperti al-Baghdādī [w 1037], al-Ghazali [1058-1111 M] dan Ibn Khaldūn [732-808 M], mensyaratkan seorang ketua negara itu mesti memiliki ilmu yang sampai kepada taraf mujtahid.<sup>60</sup>

Mengikut Imam al-Ghazali [1058-1111 M] kewajiban memenuhi syarat ini adalah dengan pertimbangan kemaslahatan umat dan tercapainya matlamat dilantiknya seorang ketua negara.<sup>61</sup> Oleh kerana itu syarat ini dapat dipenuhi sama ada secara individu atau secara kolektif. Apabila seorang calon Presiden dapat memenuhi syarat mujtahid secara pribadi/individu maka ini lebih sama ada. Tetapi apabila tidak ada seorangpun calon Presiden yang dapat memenuhi syarat tersebut, maka seorang calon Presiden mesti disokong oleh pembantu-pembantu yang mahir dan pakar dalam berbagai bidang sehingga terpenuhi syarat mujtahid secara kolektif.<sup>62</sup> Jadi seorang calon Presiden yang tidak mencapai taraf mujtahid hendaklah memperlihatkan kepada rakyat pemilih para pembantu-pembantunya yang memiliki kemahiran dalam berbagai bidang. Hal ini untuk memberikan jaminan kepada rakyat bahawa dia mampu memerintah kerajaan secara maksima. Di samping itu, hal ini juga untuk memberikan kesempatan yang seluas-luasnya kepada rakyat dalam memilih pemimpin yang tersama ada.

### 3.6. KEMAMPUAN DALAM MEMIMPIN NEGARA

Dalam ketetapan MPR **Presiden juga harus "Cakap"** iaitu pandai dan trampil dalam memerintah negara. Namun tidak terdapat penjelasan dan huraian lanjut mengenai persyaratan ini.

Dari sudut kecakapan, sistem *Syūra* telah memberikan syarat-syarat yang jelas dan terang. Seorang Khalifah hendaklah mempunyai *al-Kafāah* atau kemampuan/kecakapan dalam memerintah suatu negara. Berbeza dengan demokrasi Pancasila yang hanya membatasi seorang ketua negara itu dengan "cakap" tanpa ada penjelasan lanjut. *Al-Kafāah* dalam sistem *Syūrā* bererti:

1. *al-Kafāah* di bidang hukum. Iaitu seorang ketua negara mestilah seorang yang berani melaksanakan seluruh hukum Allah. Tanpa ada rasa gentar atau pilihkasih.<sup>63</sup>
2. *al-Kafāah* di bidang politik dan pentadbiran. Seseorang ketua negara hendaklah sanggup menghadapi segala cabaran dalam dunia politik.<sup>64</sup> Ia juga seorang yang bijak di dalam mentadbir negara. Ia dapat melihat potensi dan kemampuan seseorang sehingga dapat meletakkannya pada posisi yang tepat.<sup>65</sup>
3. *al-Kafāah* di dalam menjaga dan membela kemaslahatan serta keamanan umat. Seorang ketua negara akan sentiasa menjaga kemaslahatan umat dari seluruh ancaman yang datang sama ada dari dalam maupun dari luar negara. Ia akan menghapuskan seluruh ancaman tersebut walaupun ia harus menyatakan perang.<sup>66</sup>

### 3.7. AKHLAQ SEORANG KETUA NEGARA

Seorang Presiden dalam demokrasi Pancasila mesti seorang yang jujur, adil, tidak pernah berkhianat kepada negara, dan tidak pernah berbuat jenayah. Namun semua syarat tersebut seperti syarat-syarat yang lain, tidak memiliki batasan-batasan yang jelas dan konsep yang terang. Kejujuran, keadilan, khianat, dan jenayah dalam Pancasila adalah kabur.

Demokrasi Pancasila mengakui ada lima agama negara; Islam, Kristian, Khatolik, Budha dan Hindu. Lalu Apakah semua syarat tersebut akan diukur dengan konsep akhlaq mulia yang terdapat dalam Islam, atau ia harus diukur dengan penilaian kasih sayang orang Kristian atau Katholik, atau dari sudut pandang orang Budha, Hindu...? Atau Pancasila mempunyai konsepnya tersendiri mengenai semua itu!

Meminum arak sebagai contoh, dalam pandangan Islam adalah suatu jenayah yang harus dihukum, sehingga seorang yang suka meminum arak tidak berhak untuk menjadi seorang ketua negara. Namun dalam pandangan agama lain mungkin hal tersebut bukan suatu jenayah bahkan sudah menjadi hal yang biasa. Atau Pancasila mempunyai konsepnya tersendiri!

Di dalam sistem *Syūrā* seorang ketua negara harus memiliki akhlaq yang mulia. Syarat ini adalah jelas dan terang serta bersifat menyeluruh. Kerana konsep akhlaq mulia telah diatur di dalam ajaran Islam dengan lengkap, sempurna dan universal. Sehingga tidak akan terdapat kekaburan dalam menilai akhlaq seorang ketua negara.

Sistem *Syūrā* sangat memperhatikan mengenai akhlak ketua negara dalam satu pemerintahan, kerana ia menduduki posisi yang sangat penting. Dialah yang mengatur dan melantik serta memperhatikan seluruh jawatan yang lain. Dalam konsep politik Islam setiap jawatan hendaklah dipegang oleh seorang yang adil dan wara' di samping pakar pada bidang yang ia pegang. Kalau seandainya setiap jawatan mestilah dipimpin oleh orang yang adil dan wara', maka seorang ketua negara yang menduduki posisi penting haruslah seorang yang wara' dan adil.<sup>67</sup>

Sering terdapat seorang yang terlibat dengan jenayah sama ada yang terselubung atau terang-terangan, menjadi ejen asing, membela para kroni yang menghisap kekayaan negara... menjadi ketua negara. Akibatnya ia akan mentadbir negara untuk kepentingan pribadi dan para kroninya. Ia tidak akan segan silu untuk menguras kekayaan negara demi kepentingan individu-individu tertentu. Semua ini berpunca dari hilangnya sifat wara' dan adil dalam dirinya.

Di samping itu orang yang tidak memenuhi syarat ini akan bertindak sewenang-wenang dalam menjalankan pemerintahan. Ia tidak akan prihatin dengan kesengsaraan rakyat akibat perbuatannya. Siapa yang menentangnya akan ia hapuskan dengan segala cara demi mengekalkan kedudukannya. Oleh kerana itu Imam al-Ijī mengatakan: "seorang ketua negara hendaklah seorang yang adil agar tidak bertindak zalim."<sup>68</sup>

### **3.8. UMUR SEORANG KETUA NEGARA**

Dalam demokrasi Pancasila seorang ketua Negara mesti telah berumur 40 tahun atau lebih. Namun dalam sistem *Syūra* syarat tersebut tidak wujud. Seorang Khalifah dalam sistem *Syūra* tidak terikat dengan umur tertentu, tetapi harus telah baligh dan berakal.<sup>69</sup>

Sistem *Syūra* jelas lebih fleksibel daripada sistem demokrasi Pancasila. Ada orang yang telah memenuhi seluruh persyaratan sebagai seorang ketua negara namun umurnya belum sampai 40 tahun. Dan sebaliknya banyak orang yang telah sampai umur 40 tapi belum memiliki kemampuan sebagai seorang ketua negara. Kecakapan/*al-kafāah*, keilmuan, ahklaq mulia, kebijaksanaan, keberanian... tidak hanya diukur oleh tuanya usia. Namun ia lebih ditentukan oleh banyaknya pengalaman, kegigihan, pendidikan. Oleh kerana itu umur 40 bukanlah suatu ukuran bagi ketua negara yang berkelayakan.



## **4. SYARAT AHLI PARLIMEN.**

### **4.1. KEWARGANEGARAAN DAN KEDUDUKAN AHLI PARLIMEN**

Seperti yang telah disebutkan dalam bab terdahulu (Bab III) perlembagaan/UUD 1945 tidak ada menyebut syarat-syarat seorang wakil rakyat. - Semua persyaratan mengenai wakil rakyat atau ahli parliment ditetapkan oleh MPR. Syarat-syarat tersebut telah mengalami beberapa kali perubahan. Perubahan terakhir berlaku pada tahun 1999, iaitu berdasarkan UU No. 4 Tahun 1999.<sup>70</sup>

Berdasarkan UU No. 4 Tahun 1999, seorang ahli parlimen mestilah seorang warga negara Republik Indonesia. Ini bererti seorang yang bukan warga negara Indonesia tidak berhak untuk menjadi ahli parlimen. Hal ini berlaku hampir di seluruh sistem pemerintahan yang ada di dunia.

Namun dalam persyaratan tersebut tidak disebutkan keharusan seorang calon ahli parlimen bermustautin di negara tersebut. Dan persyaratan tersebut juga tidak mengharuskan seorang wakil rakyat mesti berasal dari daerah pencalonannya sebagai wakil rakyat. Sehingga dalam sistem demokrasi Pancasila sering berlaku seorang wakil rakyat tidak mengenal rakyat yang memilihnya dan rakyat tidak mengenal wakil yang mereka pilih.

Dalam pilihan raya 1997 calon jadi (calon yang kemungkinan terbesar menjadi ahli parlimen) ahli parlimen dari parti PDI 20% berasal dari luar daerah tempat ia bertanding. Sedangkan calon dari PPP 37% daripadanya berasal dari luar daerah tempat ia bertanding. Parti Golkar sebagai parti “juara” mencetak rekod tertinggi iaitu sebanyak 53.1%.<sup>71</sup>

Apabila merujuk kepada tempat duduk para ahli parlimen hasil pilihan raya Tahun 1999 akan didapati bahawa hampir separuh ahli parlimen tidak duduk di daerah pemilihan (47.2 %). Parti Golkar yang dahulunya merupakan parti penguasa di masa Soeharto memiliki ahli di parlimen yang tidak duduk di daerah pemilihan yang paling banyak (60 %). Hanya 40 % dari ahli parlimen dari parti Golkar yang duduk di daerah pemilihan. Sedangkan ahli parlimen dari parti-parti

besar lainnya, hampir separoh dari mereka tidak duduk di daerah pemilihan. (lihat Jadual II)

**Jadual II**

**Tempat Duduk Ahli Parlimen Hasil Pilihan Raya 1999 (DPR)**

No	Parti	Duduk di Daerah Pemilihan	Tidak Duduk di Daerah Pemilihan	Lain-lain	Jumlah
1	PKU		1		1
2	PPP	35 (60.3%)	22 (37.9%)	1	58
3	PSII		1	-	1
4	PDI-P	84 (54.9%)	69 (45.1%)	-	153
5	PDKB	1	4	-	5
6	PAN	19 (55.9%)	15 (44.1%)	-	34
7	MASYUMI	-	1	-	1
8	PBB	8	5	-	13
9	PK	3	4	-	7
10	PNU	3	2	-	5
11	IPKI	-	1	-	1
12	PNI MM	-	1	-	1
13	PDI	1	1	-	2
14	GOLKAR	48 (40%)	72 (60%)	-	120
15	PP	-	1	-	1
16	PKB	35 (68.6%)	16 (31.4%)	-	51
17	PDR	1	-	-	1
18	PKP	3	1	-	4
19	PBI	1	-	-	1
<b>JUMLAH</b>		<b>242 (52.61%)</b>	<b>217 (47.2%)</b>		<b>460</b>

Sumber: Sekretariat MPR

Realiti di atas menimbulkan satu pertanyaan yang wajar, apakah ahli parlimen yang hidup jauh dari rakyat serta tidak menyatu dengan mereka dapat mengetahui kehendak dan keinginan rakyat yang sebenar?! Lalu apakah mereka dapat menyuarakan dengan tepat segala kepentingan rakyat yang memilih mereka?

Jawaban terhadap pertanyaan di atas adalah tidak. Wakil-wakil rakyat yang hidup jauh daripada rakyat yang mereka wakili tidak dapat menyalurkan suara dan kepentingan rakyat secara penuh. Jadual di bawah adalah hasil jajak pendapat tahun 1999 yang dilakukan oleh Yayasan PARIBA,<sup>72</sup> yang menggambarkan bahawa sebahagian besar rakyat tidak percaya bahawa Parlimen/DPR dapat mewakili suara dan kehendak rakyat (61.65 %). Hal ini adalah suatu realiti yang sangat mengecewakan. Pilihan raya yang menelan biaya yang sangat besar ternyata belum dapat menghasilkan wakil rakyat yang benar-benar menyuarakan suara hati nurani rakyat.

**Jadual III**  
**Keterwakilan Suara Rakyat Di Parlimen**

<b>Keterwakilan Aspirasi di DPR Sekarang</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Sudah Terwakili	225	30.82
Tidak Terwakili	450	61.65
Abstain	55	7.53
Jumlah	730	100

Sumber Yayasan PARIBA<sup>i</sup>

Di dalam sistem *Syūra* seorang ahli *Syūrā* mesti seorang yang bermustautin, iaitu harus memenuhi persyaratan *al-Muwātanah*. Hal ini adalah untuk menjamin agar seorang ahli *Syūra* tahu dan melihat sendiri kondisi serta

---

<sup>i</sup> Yayasan PARIBA (Pencerahan Rakyat Indonesia Baru) adalah pertubuhan yang bergerak di bidang pendidikan, penelitian dan penerbitan. Didirikan pada tahun 1998 oleh sejumlah profesional muda dari pelbagai kalangan seperti: bisnismen, peguam, penulis, artis, pensyarah dan aktivis NGO.

keadaan negerinya. Sehingga ia dapat memberikan analisa yang tepat serta tindakan-tindakan yang perlu demi kepentingan rakyat yang diwakilinya.

Persyaratan ini akan dapat mencegah terjadinya seorang wakil rakyat yang tidak tahu apa keinginan dan kepentingan rakyat yang diwakilinya. Begitu juga sebaliknya, rakyat tidak akan memilih para wakilnya yang mereka sama sekali tidak mengetahui jati dirinya, tapi hanya kerana dipengaruhi oleh kempen pilihan raya. Kondisi ini akan lebih mendekatkan wakil rakyat dengan rakyat. Wakil rakyat akan hidup dan merasai bagaimana kehidupan sebenar rakyat sehingga seorang wakil rakyat akan sentiasa melaungkan suara sebenar keinginan rakyat.

#### 4.2. INTELEKTUALITI AHLI PARLIMEN

Demokrasi Pancasila dengan UU No. 4 Tahun 1999, mensyaratkan kepada seorang wakil rakyat mesti "dapat berbahasa Indonesia dan cakap (pandai) menulis dan membaca huruf latin, berpendidikan serendah-rendahnya Sekolah Lanjutan Pertama<sup>i</sup> atau yang berpengetahuan sederajat dan berpengalaman di bidang kemasyarakatan dan/atau kenegaraan."

Sistem *Syūrā* sangat memperhatikan intelektual dan keilmuan seorang wakil rakyat. seorang wakil rakyat atau *Ahl Syūrā* mesti memiliki "Ilmu pengetahuan yang dapat mengetahui orang yang layak menjadi ketua negara (Imam) dengan segala persyaratannya". Kemudian *Ahl Syūrā* juga "mempunyai daya intelektual (al-ra'y) dan penuh dengan hikmah sehingga dapat memilih ketua

<sup>i</sup> Sekolah Lanjutan Pertama= SPM tingkatan III

negara yang tersama ada serta paling mengetahui tentang pentadbiran dan kemaslahatan umat".<sup>73</sup>

Sistem *Syūra* ingin<sup>i</sup> menjamin bahawa seorang *Ahl al-Syūra* dapat memilih seorang ketua negara yang mampu membawa negara kepada kedamaian, keamanan, kemakmuran dan keadilan. Oleh kerana itu seorang *Ahl Syūra* mesti memiliki kemampuan untuk melantik orang yang mampu melaksanakan tugas yang berat tersebut.

Memilih seorang ketua negara tidak semudah memilih baju di sebuah super market. Juga, memilih ketua negara tidak seindah memilih seorang pengantin yang molek. Pemilihan ketua negara lebih kompleks dan rumit. Tugas ini (pemilihan ketua negara) memerlukan seorang yang memiliki kemampuan ilmu yang cukup sehingga ia dapat memilih ketua negara yang tepat. Kesilapan terkecil di dalam memilih seorang ketua negara akan mengakibatkan sengsaranya berjuta-juta manusia yang tidak berdosa. Daya intelektual saja tidak cukup, ia juga memerlukan hikmah dan kebijaksanaan sehingga pemilihan tersebut tepat dengan waktu dan kondisinya.

Jadi, seorang wakil rakyat atau ahli parlimen mesti memiliki keilmuan dan kebijaksanaan yang cukup sehingga ia dapat memilih ketua negara yang tepat. Persyaratan keilmuan lepasan SPM sangat tidak mencukupi untuk dapat menghasilkan seorang wakil rakyat yang memiliki keilmuan yang cukup untuk memilih ketua negara yang berkemampuan. Sudah masanya seorang wakil rakyat

memiliki keilmuan yang lebih tinggi sehingga ketua negara yang ia pilih akan menjadi lebih berkualiti.

:

#### 4.3. AKHLAQ AHLI PARLIMEN

Dalam demokrasi Pancasila tidak disebutkan secara tegas mengenai akhlaq seorang wakil rakyat. Walaupun demikian seorang calon wakil rakyat mesti tidak sedang menjalani hukuman jenayah kerana perbuatan jenayah yang mendapat hukuman selama lima tahun.

Syarat yang diberikan oleh sistem demokrasi Pancasila di atas jelas tidak mencukupi untuk menghasilkan seorang wakil rakyat yang mempunyai akhlaq mulia. Walaupun seorang itu pernah berbuat tindakan jenayah, asalkan bukan jenayah yang mengakibatkan hukuman lima tahun maka ia tetap boleh menjadi calon wakil rakyat. Seorang yang suka minum arak, “mencuri”,...tetap dapat menjadi ahli parlimen selama mereka tidak dalam hukuman selama lima tahun. Lalu apakah wakil rakyat yang pernah berbuat jenayah, suka minum arak atau “mencuri”... dapat memperjuangkan kepentingan rakyat!

Seorang wakil rakyat di dalam sistem *Syūrā* mesti bersifat *al-‘Adālah* iaitu seorang yang memiliki akhlaq mulia.<sup>74</sup> Ini adalah untuk menjamin kepentingan rakyat berada di tangan orang yang dapat memperjuangkan kepentingan mereka. Kepentingan rakyat tidak akan diperjuangkan oleh orang-orang yang tidak memiliki amanah dan rasa tanggung jawab yang tinggi. Apatah lagi seorang yang suka melakukan jenayah.

Kekuatan moral atau dalam Islam akhlaq yang mulia merupakan suatu persyaratan yang sangat penting yang harus dimiliki oleh seorang ahli parlimen. Tugas seorang ahli parlimen adalah sangat mencabar. Tugas-tugas tersebut memerlukan seorang wakil rakyat yang berani, jujur, adil, bertanggung jawab, tabah...semua ini terkumpul di dalam diri orang yang telah memiliki akhlaq mulia. Apabila semua wakil rakyat memiliki akhlaq yang mulia tentu tidak akan muncul istilah wakil rakyat yang 5D (datang, duduk, dengar, diam dan duit) di dalam parlimen. Parlimen tidak akan menjadi “lembaga stempel”<sup>75</sup> yang tugasnya hanya meratifikasi kepentingan pemerintah, seperti kata Syamsuddin Haris.<sup>75</sup>

Seorang wakil rakyat yang berakhlaq mulia ketika dihadapkan antara jawatannya dengan kepentingan rakyat ia akan tetap memperjuangkan kepentingan rakyat. Oleh kerana itulah DR Sayid Abū Jaib ketika memberikan alasan mengapa seorang wakil rakyat itu mesti memiliki akhlaq yang mulia, ia mengatakan: “Seorang *Ahl al-Syūrā* mempunyai kedudukan yang penting oleh kerana itu ianya haruslah seorang yang penuh *Istiqāmah* dan amanah. Sehingga di dalam menjalankan tugas-tugasnya ia tidak akan berkhanat”.<sup>76</sup> Benar seorang wakil rakyat mesti berakhlaq mulia sehingga dapat menjalankan tugasnya dengan sama ada, tidak mengkhianati kepentingan rakyat dan negara yang diamanahkan kepadanya.

Sistem *Syūra* tidak menginginkan adanya seorang wakil rakyat yang hanya mementingkan “perut” dan “kerusinya” sehingga seluruh keputusannya

<sup>75</sup> Lembaga stempel: parlimen stem, suatu kiasan kepada parlimen yang hanya menjadi alat

bergantung kepada terjaminnya seluruh kepentingan dirinya. Ia akan mendahulukan kepentingan diri sendiri baru kepentingan rakyat dan negara. Atau bahkan ia tidak memperdulikan kepentingan rakyat sama sekali. Sistem *Syūra* menginginkan seorang wakil rakyat yang bermoral dan berakhlaq mulia sehingga ada tanggung jawab untuk memperjuangkan nasib rakyat.

## **5. PARTI POLITIK DAN PENGARUHNYA DALAM PERLANTIKAN KETUA NEGARA**

Parti politik merupakan sarana penting dalam perlantikan ketua negara pada zaman moden. Dalam sistem demokrasi suara rakyat disalurkan melalui parti-parti politik yang bertanding dalam pilihan raya. Para ahli parlimen yang berasal dari berbagai parti politik yang dipilih oleh rakyat yang akan memilih dan melantik ketua negara. Pada sesetengah negara pemilihan ketua negara dipilih langsung langsung oleh rakyat. Dalam sistem demokrasi Pancasila ketua negara dipilih dan dilantik oleh ahli parlimen bukan dipilih oleh rakyat secara langsung.

Parti politik di Indonesia telah mengalami masa pasang surut berulang kali. Di bawah bendera demokrasi Pancasila parti, politik telah mengalami pengalaman yang pahit dan getir. Pilihan raya pertama demokrasi Pancasila diikuti oleh banyak parti. Namun hal ini tidak berlangsung lama, pada tahun 1973 10 parti politik dipaksa untuk menggabungkan diri menjadi tiga parti politik, iaitu PPP, Golkar dan PDI. Sistem multi parti terbatas ini berlangsung cukup lama. Pada tahun 1998 di bawah gema reformasi sistem parti kebali kepada sistem multi

---

penguasa dan tidak memperhatikan kepentingan rakyat.

parti penuh. Sehingga dalam pilihan raya tahun 1999 banyak bermunculan parti baru yang ikut serta.<sup>77</sup>

Problem yang dihadapi oleh parti politik di masa Orde Baru adalah hilangnya kebebasan, kemerdekaaan dan kemandirian parti/independen. Tekanan-tekanan yang dilakukan oleh penguasa sangat mempengaruuh jalannya parti pada masa itu. Sehingga parti tidak lebih sebagai "wayang pelengkap" di atas panggung demokrasi.

Setelah reformasi parti-parti kembali mendapatkan kebebasan dan kemerdekaannya. Semua parti dapat bergerak dengan penuh kemerdekaan. Tidak ada lagi yang akan menekan mereka untuk melakukan sesuatu. Namun yang sangat disayangkan seakan-akan parti politik itu sendiri atau lebih tepatnya wakil-wakil rakyat dari berbagai parti politik telah lupa kepada tugasas sebenar dirinya dilantik.

\*\*\*\*\*

Kebebasan yang diperoleh setelah reformasi seakan-akan tiada batas sama sekali. Setiap orang dapat berbicara apa saja walaupun tanpa bukti-bukti yang kukuh. Hampir setiap hari parti-parti politik bertelagah di akhbar-akhbar dengan mengeluarkan kenyataan dan tuduhan-tuduhan kepada lawan politiknya. Bahkan pertelaghan politik ini tidak hanya terbatas di akhbar sahaja. Parti-parti politik menurunkan para penyokongnya untuk membela kepentingan parti sehingga terjadi pergaduhan di antara para penyokong.

Di saat pemilihan ketua negara pada tahun 1999 terjadi kerusuhan di Solo yang menuntut supaya Megawati menjadi Presiden. Rusuhan tersebut diikuti oleh daerah-daerah yang lain. Setelah Megawati dilantik menjadi timbalan Presiden tiba-tiba kerusuhan tersebut berhenti dengan mendadak.

Di saat ahli-ahli MPR bersidang untuk membahas mengenai kasus korupsi Presiden Abdurrahman Wahid, para penyokong parti PKB bersumpah untuk berjihad sampai mati apabila Gus Dur dipecat daripada Presiden oleh MPR. Bahkan menjelang sidang paripurna DPR pada 30 April 2001 para penyokong Gusdur telah mengadakan latihan meliter demi menjaga-jaga apabila DPR mengeluarkan memorandum II yang akan mengakibatkan kejatuhan Gusdur.<sup>78</sup> Majalah Gatra edisi 18 april 2001, mengeluarkan tajuk “Pasukan berani mati, penyokong Gusdur akan mengamuk bila DPR menjatuhkan memerandum ke II”<sup>79</sup> Akhbar Berita Harian menyebutkan lebih 50.000 penyokong Gus Dur telah meninggalkan perkerjaan untuk mengikuti latihan silat sebagai persiapan menghadapi sidang DPR pada 30 April.<sup>80</sup>

Masih banyak lagi kekerasan-kekerasan politik yang timbul akibat pertembungan kepentingan di antara parti politik. Kalau semua peristiwa tersebut dikumpulkan ia akan menjadi sebuah buku yang cukup tebal. Kebebasan yang diperjuangkan selama ini telah menjadi medan pertarungan bagi kepentingan politik. Parti yang seharusnya menjadi penyalur suara rakyat akhirnya terjebak dengan pergaduhan-pergaduhan yang banyak memeras energi. Akhirnya nasib rakyat yang memberikan suaranya kepada parti-parti politik tersebut tidak

mendapat perhatian yang serius. Pembantaian beramai-ramai di Ambon memerlukan waktu setahun dan kematian beribu-ribu rakyat untuk mendapat perhatian. Kerusuhan di Kalimantan baru dapat diredakan setelah beribu-ribu rakyat tak berdosa mati.

Di dalam sistem *Syūrā*, parti tidak dikenali. Umat Islam dalam masa pemerintahan *al-Khulafā’ al-Rāsyidūn* memilih langsung Khalifah yang mereka ingini. Walaupun demikian banyak para sarjana yang berusaha untuk membuktikan bahawa semenjak awal Islam telah wujud parti politik.

Sebahagian sarjana Islam berpendapat bahawa gejala tumbuhnya parti politik telah ada semenjak kematian Khalifah ‘Uthmān bin ‘Affān. Peperangan-peperangan pada zaman pemerintahan ‘Alī bin Abī Ṭālib telah memperkuuhkan saat-saat kelahiran parti politik. Akhirnya lahirlah kelompok-kelompok seperti Syi‘ah, Khawārij dan Mu‘tazilah.<sup>81</sup>

Namun apabila dibandingkan parti-parti politik dalam tesis Ahmad Amin tersebut dengan parti politik yang wujud pada abad moden sekarang tampak perbezaan yang sangat besar. “Parti” yang digambarkan oleh Ahmad Amin lebih mendekati gerakan-gerakan meliter untuk mencapai puncak kepemimpinan. Khawarij mencatatkan sejarah panjang pemberontakan-pemberontakan berdarah pada masa *Khilāfah ‘Umayyah* mahupun *‘Abbāsiyyah*. Mu‘tazilah sendiri memiliki rekod pemberontakan yang tidak kalah dengan Khawārij. Mu‘tazilah pernah memberontak pada masa pemerintahan al-Walīd bin Yazīd bin ‘Abd al-

Malik.<sup>82</sup> Kemudian memberikan sokongan kepada pemberontakan kelompok Zaydiyyah (Syi'ah) dalam menentang Hisyām bin 'Abd al-Malik.<sup>83</sup>

:

Realiti ini sangat berbeza jauh dari gambaran parti politik pada masa kini. Parti politik dalam sistem demokrasi adalah suatu bahagian daripada negara. Ia merupakan pertubuhan politik yang berusaha untuk menyalurkan kepentingan rakyat secara damai dan aman demi kemakmuran dan kesejahteraan negara. Hal ini berbeza dengan "parti" dalam pandangan di atas. Di mana parti merupakan suatu gerakan bersenjata yang berusaha untuk menjatuhkan penguasa yang ada dengan kekerasan. Gerakan-gerakan yang penuh kekerasan ini lebih mendekati Faksi yang dalam bahasa latin disebut *Facere* yang bererti bertindak atau berbuat.

Faksi selalu dikaitkan dengan tindakan merusak, kejam dan bengis.<sup>84</sup>

Walaupun demikian tidak dapat dikatakan bahawa isyarat-isyarat wujudnya kekuatan-kekuatan politik pada masa awal Islam tidak ada sama sekali. Pertemuan Di *Saqīfah bani Sā'idah* memberikan gambaran yang terang bahawa sejak awal lagi telah wujud kekuatan-kekuatan politik dalam berbagai kelompok masyarakat Islam. Kaum Ansar pada waktu itu menjadi satu kekuatan yang besar mencalonkan Sa'ad bin Mu'ādh r.a sebagai Khalifah.<sup>85</sup> Sedangkan Abū Bakr r.a, 'Umar r.a dan Abū 'Ubaidah r.a mewakili kaum Muhajirin. Walaupun pembahagian ini tidak begitu tepat kerana kedatangan Abū Bakar, 'Umar dan Abū 'Ubaidah ketika itu hanyalah suatu kebetulan untuk mendinginkan suasana. Hal yang sama berlaku pada masa pemilihan Khalifah yang ketiga. Di mana umat

Islam terbahagi kepada dua kelompok besar iaitu para penyokong ‘Uthmān dan penyokong ‘Alī.<sup>86</sup>

Realiti ini menunjukkan bahawa wujudnya kekuatan-kekuatan politik dalam beberapa kelompok dalam masyarakat adalah suatu yang dibolehkan. Ia merupakan suatu gejala semula jadi di dalam suatu masyarakat yang ramai. Oleh kerana itu kebanyakan sarjana Islam membolehkan wujudnya parti politik yang memperjuangkan suara rakyat secara damai. Mengikut Khursyid Ahmad wujudnya parti politik adalah suatu perkara *Mubāh* (dibolehkan).<sup>87</sup> Pendapat yang sama diberikan oleh Dr Yūsuf al-Qardāwī.<sup>88</sup> Para Ulama al-Azhar ketika menyusun perlembagaan negara Islam telah mencantumkan dibolehkannya mendirikan parti politik.<sup>89</sup>

Mengikut Dr Yūsuf al-Qardawī mana-mana parti politik baru dianggap sah dalam negara Islam apabila:

1. mengakui Islam sebagai Aqidah (ideologi) dan Syariat (hukum) dan tidak menentang atau mengingkarinya.
2. tidak bekerja untuk kelompok yang memusuhi Islam dan umat Islam apapun nama dan tempatnya.

Di samping itu perlu dibuat suatu “aturan permainan” yang tegas sehingga parti politik tidak berubah haluan. Parti yang seharusnya menjadi penyalur suara dan kepentingan rakyat berubah menjadi suatu alat untuk mencapai kepentingan

kelompok-kelompok yang tidak bertanggung jawab. Namun yang lebih penting lagi adalah menanamkan nilai-nilai akhlak mulia di tengah-tengah medan politik.

:

## 6. SISTEM PILIHAN RAYA DAN PENGARUHNYA DALAM PERLANTIKAN KETUA NEGARA

Pilihan raya merupakan faktor penting untuk menghasilkan seorang pemimpin negara yang berkemampuan. Pilihan raya yang bersih, jujur, bebas akan dapat menghasilkan pemimpin yang lebih berkualiti daripada pilihan raya yang penuh dengan pembelian undi, pemalsuan kotak suara, tekanan dan penipuan.

William Lidle seorang pengamat politik Indonesia pernah mengatakan:

“Pemilu-pemilu (pilihan raya) Orde Baru adalah pengukur yang tidak sempurna kehendak politik rakyat. Pemilihan-pemilihan itu mencerminkan proses elektoral (pemilihan) yang dikelola serta dikontrol sangat ketat hasil rancangan pemerintah -yang kekuasaannya terutama berasal dari dukungan Angkatan Bersenjata- untuk memperlihatkan keabsahan kapada rakyatnya dan dunia luar, sementara pada saat bersamaan menghindari sejauh mungkin pertarungan nyata antara kekuatan-kekuatan politik yang bersaing...”<sup>90</sup>

Eep Saefulloh Fatah seorang pengamat politik menggambarkan sistem pilihan raya pada masa rezim Orde Baru dengan mengatakan: "...pemilu kita sudah terlanjur “memiliki penyakit nyaris (hampir) di sekujur tubuhnya”.<sup>91</sup>

Selepas pilihan raya Jun 1999 MPR mengadakan penelitian tentang pengaruh pilihan raya terhadap keanggotaan DPR. Hasilnya sangat mengejutkan. Hanya 5% dari suara yang dikumpulkan menyatakan bahawa DPR mampu untuk

melakukan perubahan-perubahan sesuai dengan semangat reformasi. Selebihnya 96% perpendapat bahawa DPR hasil pilihan raya Jun 1999 tidak dapat melakukan apa-apa demi perubahan yang lebih sama ada!<sup>92</sup>

:

Dengan kelemahan-kelemahan pilihan raya selama Orde Baru dan pilihan raya pertama di awal reformasi maka wajar apabila wakil-wakil rakyat di parlimen menjadi lemah. Selanjutnya Presiden yang dilantik oleh para wakil rakyat itu sendiri lebih didominasi oleh kepentingan-kepentingan parti daripada kepentingan rakyat. oleh kerana itu para sarjana hukum, pakar politik dan ahil politik telah banyak memeras pemikiran untuk mencari satu sistem yang sesuai bagi bangsa Indonesia.

Di awal Orde Baru terjadi perdebatan sengit mengenai sistem pilihan raya yang akan di gunakan. Parti-parti politik cenderung untuk menggunakan sistem proposisional representatif, sedangkan kerajaan ~~men~~ mendukung sistem distrik.<sup>93</sup> Ketika bahang reformasi mulai membara perdebatan tersebut kembali terulang.<sup>94</sup> Bahkan ada yg berpendapat bahawa pemilihan Presiden sepatutnya dilakukan langsung oleh rakyat bukan melalui MPR. Masing-masing kelompok menggunakan berbagai hujjah untuk menyokong pendapatnya. Seakan-akan perdebatan lama memiliki daya tarik yang luar biasa untuk selalu diulang-ulang.

Apakah benar permasalahannya terletak di sistem pilihan raya? Kalau kembali melihat kepada perjalanan pilihan raya selama Indonesia berdiri akan di dapati bahawa pilihan raya yang paling demokratik dan mendapat sanjungan dari

banyak pakar politik adalah pilihan raya tahun 1955. Hampir menjadi “ijma” bahawa pilihan raya 1955 lebih demokratik daripada seluruh pilihan raya di bawah Orde Baru.<sup>95</sup> Realiti ini menunjukkan bahawa sistem proposional bukan penyebab kepada ketimpangan yang terjadi dalam kehidupan pilihan raya di Indonesia.

Permasalahan yang dikandung oleh pilihan raya di Indonesia tidak semudah antara memilih sistem proposional atau sistem distrik. Kerusakan dan penyimpangan yang terdapat dalam pilihan raya bermula dari kelemahan dasar hukum, perundang-undangan, kehidupan politik yang tidak sehat serta mental dan akhlAQ yang telah mulai pupus.

Oleh kerana itu, bagi bangsa Indonesia yang penting bukan pilihan sistem Pemilu, akan tetapi demokratisasi sistem Pemilu dalam bentuk UU dan pelaksanaannya.<sup>96</sup> Dengan kata lain, kemampuan sistem distrik atau proposional sangat ditentukan oleh kejujuran dan keadilan pelaksanaannya serta jaminan proses politik yang demokratik.<sup>97</sup>

Dalam sejarah pemilihan ketua negara pada masa pemerintahan *al-Khulafā al-Rāsyidūn* akan didapati bahawa pemilihan raya tidak terfokus kepada satu bentuk atau sistem. Pemilihan Abū Bakr r.a. dilakukan secara langsung oleh umat Islam ketika itu. Pemilihan ‘Umar r.a. pula didahului dengan pencalonan dirinya oleh Abū Bakr r.a kemudian diserahkan pemilihannya kepada kehendak dan suara rakyat. Sedangkan pemilihan ‘Uthmān r.a dilaksanakan mengikut cara perwakilan

oleh *Ahl al-Syūrā*. Adapun pemilihan Imam ‘Alī r.a berlaku dalam suasana yang “panas”. Walaupun demikian pemilihan ‘Alī dilakukan oleh majoriti umat Islam.

Sistem pemilihan yang berbeza-beza pada masa *al-Khulafā al-Rāsyidūn* menunjukkan bahawa sistem *Syūrā* bersifat *fleksibel* tidak terpaku pada satu sistem. Semua bentuk pemilihan adalah sah mengikut sistem *Syūrā* selama cara/sistem pemilihan itu menggambarkan suara dan kehendak sejati ummat. Kebebasan bersuara, berpendapat dan memilih dengan seluruh maknanya merupakan suatu syarat yang mesti wujud dalam pemilihan ketua negara.

Perdebatan politik yang terjadi di *Saqīfah banī Sā‘idah* merupakan suatu gambaran cemerlang bagi kebebasan bersuara dan berpendapat.<sup>98</sup> Perdebatan tersebut diliputi oleh suasana kebebasan yang berakhlaq. Tidak ada tekanan dan ancaman bagi siapa yang berani bersuara. Setiap kelompok mengemukakan pendapat dan suaranya dengan hujjah-hujjah yang rasional bukan dengan kekerasan dan ancaman.

Sifat amanah ‘Abdurrahmān r.a. yang sanggup untuk berkeliling selama tiga malam berturut-turut untuk mengetahui suara sebenar rakyat dan seluruh kelompok berkepentingan, patut menjadi ikutan bagi seluruh badan yang melaksanakan pilihan raya. Imam al-Tabarī [224-310 H] dalam kitabnya menatakan: “‘Abdurrahmān r.a berkeliling tiga malam berturut-turut. Ia menemui para sahabat Rasulullah s.a.w, pemimpin-pemimpin askar dan tokoh masyarakat

di Madinah. Melakukan musyawarah dengan mereka. Semuanya menyuarakan

‘Uthmān bin Affān r.a.’<sup>99</sup>

Imam ‘Alī r.a yang menolak untuk dilantik menjadi ketua negara di bawah tekanan para perusuh. Walaupun semua sahabat mengetahui bahawa dirinya adalah yang paling layak untuk memegang jawatan tersebut. ‘Alī r.a berkeras bahawa perlantikannya mesti di hadapan rakyat dan setelah dipilih oleh rakyat sendiri.<sup>100</sup>

Sikap ini menunjukkan bahawa tekanan dan penyimpangan perlantikan ketua negara dengan kekerasan adalah tidak sah di dalam sistem *Syūra*.

Jadi sistem *Syūra* tidak mengharuskan bentuk tertentu pemilihan wakil rakyat atau Presiden. Tetapi yang diwajibkan adalah terlaksananya konsep *Syūra* secara benar dan tepat. Apapun bentuknya sistem pilihan raya (proposisional/distrik), proses *elektoral*, pemilihan ketua negara dilakukan secara langsung atau melalui perwakilan, syarat utamā yang mesti dipenuhi adalah penyaluran suara sejati rakyat mesti terjamin.

## KESIMPULAN

Dari kajian perbandingan antara sistem demokrasi Pancasila dan sistem *Syūrā* di atas dapat diambil beberapa kesimpulan:

- a. sistem pilihan raya yang bertujuan untuk memilih wakil-wakil rakyat dalam demokrasi Pancasila memiliki banyak kelemahan-kelemahan. Kelemahan-kelemahan ini berpunca dari kelemahan yang

dimiliki oleh perlembagaan kemudian diikuti dengan kelemahan undang-undang dan peraturan-peraturan pemerintah.

- b. Peraturan dan persyaratan yang ditetapkan bagi seorang calon ahli parlimen mengakibatkan rendahnya kualiti ahli parlimen. Di samping itu penyimpangan-penyimpangan yang terjadi dalam pilihan raya turut memperburuk kondisi ini. Hal ini sangat mempengaruhi dalam pemilihan ketua negara yang berkualiti. Apatah lagi persyaratan yang diwajibkan bagi calon Presiden banyak memiliki kekurangan. Matlamat untuk mencari ketua negara yang berkualiti akan semakin sukar untuk dicapai apabila kualiti ahli parlimen, pilihan raya dan persyaratan calon Presiden tidak ditingkatkan.
- c. Kelemahan yang terdapat dalam UUD 1945 tidak terdapat dalam sistem *Syūrā*. Perlembagaan dalam sistem *Syūrā* berlandaskan kepada syariat Islam yang bersifat fleksibel dan universal.
- d. Sistem *Syūrā* mengharuskan calon *Ahl Syūrā* untuk memenuhi syarat-syarat yang ketat. Hal ini untuk menjamin kualiti wakil rakyat sehingga dapat menyalurkan suara dan kehendak rakyat demi melantik ketua negara yang berkualiti dan berkemampuan.
- e. Sistem *Syūrā* mengharuskan seorang ketua negara memenuhi syarat-syarat yang ketat sehingga dapat menjamin perkara-perkara buruk tidak berlaku. Seperti seorang ketua negara tidak dapat menjalankan tugasnya secara sama ada kerana permasalahan kesihatan dan akhlaq yang buruk.
- f. Sistem *Syūrā* dalam sistem pemilihan ketua negara (*electoral system*) bersikap *flexible/lunak*. Irtinya tidak terpaku pada satu bentuk tertentu. Proses pemilihan boleh berubah dari satu bentuk kepada bentuk yang lain

mengikut kepada kondisi dan suasana tertentu. Namun demikian, setiap perubahan sistem mestilah menjamin bahawa suara rakyat terjamin dengan sepenuhnya.

i

scribble

## NOTA RUJUKAN

<sup>1</sup> Seperti yang terdapat di kerajaan Saudi Arabia, Sudan dan beberapa negara teluk. Dan Syari'at Islam diakui dalam perlombagaan majoriti negara-negara yang penduduknya majoriti muslim, seperti di Mesir.

<sup>2</sup> Dr. Jimly Asshiddiqie, S.H, (1994). *Gagasan Kedaulatan Rakyat Dalam Konstitusi dan Pelaksanaannya di Indonesia*. Jakarta: PT Ichtiaar Baru Van Hoeve., h. 65.

<sup>3</sup> Dr. Yusril Ihza Mahendra (1996). *Dinamika Tatanegara Indonesia: Kompilasi Aktual Masalah Konstitusi Dewan Perwakilan dan Sistem Kepartaian*. Jakarta: Gema Insani Press., h. 63-64.

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> Soe蓬omo berkata dalam salah satu persidangan BPUPKI: "Kita sekarang meninjau negara Asia, ialah dasar negara Dai Nippon. Negara Dai Nippon berdasar atas persatuan lahir dan batin jang kekal antara Jang Maha Mulia Tenno Heika, negara dan rakjat Nippon seluruhnya. Tenno adalah pusat rochani dari seluruh rakjat. Negara bersandar atas kekeluargaan. Keluarga Tenno jang dinamakan: 'Koshitu' ialah keluarga jang terutama. "Dasar persatuan dan kekeluargaan ini sangat sesuai pula dengan tjorak masjarakat Indonesia".

Moh. Yamin (t.t.h), *Naskah Persiapan UUD 1945*. Jakarta: Yayasan Prapanca., h. 112.

<sup>6</sup> Jimly Asshiddiqie (1994), op.cit., h. 66-67.

<sup>7</sup> Moh. Yamin (t.t.h), op.cit., h. 410.

<sup>8</sup> Al Chaidar (1419 H), *Reformasi Prematur Jawapan Islam Terhadap Reformasi Total*. Jakarta: Darul Falah., h. x.

<sup>9</sup> Pasal 3 UUD 45 berbunyi: Majelis Permusyawaratan Rakyat menetapkan undang-undang dasar dan garis-garis besar dari pada haluan negara.

<sup>10</sup> Moh. Kusnardi S.H. dan Hermaily Ibrahim S.H. (1988), *Pengantar Hukum Tata Negara Indonesia*. Jakarta: Pusat Studi Hukum Tata Negara, Fakultas Hukum Universitas Indonesia dan CV Sinar Bakti., h. 97-98.

<sup>11</sup> Alexander Irwan Ph.D dan Edriana S.H, 1995. *Pemilu Pelanggaran Asas Luber: Hegemoni Tak Sampai*. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan., h. 18-19.

<sup>12</sup> Ibid., h. 30.

<sup>13</sup> Ibid., h. 35.

<sup>14</sup> Akhbar *Republika*. 1 Septembar 1999.

<sup>15</sup> Ibid.

<sup>16</sup> Akhbar *Republika*. 24 Julai 1999.

<sup>17</sup> Dr Mahmud MD. (1999). *Hukum dan Pilar-Pilar Demokrasi*. Yogyakarta: Gema Media., h. 245.

<sup>18</sup> Akhbar *Republika*. 10 Septembar 1999.

<sup>19</sup> Ibid.

<sup>20</sup> Arbi Sanit. (1998). *Reformasi Politik Indonesia*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar., h. 167.

<sup>21</sup> Akhbar *Republika*, 1-9-1999.

<sup>22</sup> Ibid.

<sup>23</sup> Ibid.

<sup>24</sup> Ibid.

<sup>25</sup> Ibid.

<sup>26</sup> Akhbar *Republika*. 10 Septembar 1999.

<sup>27</sup> Akhbar *Republika*. 30 Mayu 1999.

<sup>28</sup> Ibid.

<sup>29</sup> Akhbar *Republika* 11 ogos 1999.

<sup>30</sup> Akhbar *Media Indonesia*. 16 Ogos 1999.

<sup>31</sup> Al-Chaidar (1419 H), op.cit., h. 38.

<sup>32</sup> Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Isma'il (t.t.h), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*, j.2. Kaherah: Maktabah Zahran., h. 168-169 ; al-Tabarī, Abū Ja'far Muhammad bin Jarīr (1968), *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl al-Qur'ān*, j. 8. Mesir: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī wa Awlādūh., h. 9.

<sup>33</sup> Ibn Kathīr (t.t.h), op.cit. Jil. 2., h. 68 ; al-Tabarī (1968), op.cit., j. 6., h. 274.

<sup>34</sup> Prof. Dr. Bagir Manan S.H. (1999), *Lembaga Kepresidenan*. Yogyakarta: Penerbit Gama Media., h. 61 ; Prof. Dr. M. Solly Lubis, S. H, (1997), *Pembahasan UUD 1945*. Bandung: Penerbit Alumni., h. 165.

<sup>35</sup> Bagir Manan S.H. (1999), op.cit., h. 66.

<sup>36</sup> Ibn Kathīr (t.t.h), op.cit., j. 4., h. 218 ; al-Tabarī (1968), op.cit., j. 26., h. 140.

<sup>37</sup> Al-Māwardī, Abū al-Hasan ‘Alī bin Muḥammad (1973), *al-Ālkām al-Sultāniyyah*, c. 3. Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādūh., h. 6 ; Al-Farrā’, Abū Ya’lā Muḥammad bin al-Husain (1966), *al-Ālkām al-Sultāniyyah*, c. 2. Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādūh., h. 20 ; Al-İjī, ‘Abd al-Rahmān bin Aḥmad (t.t.h.), *al-Mawāqif fi ‘Ilmi al-Kalām*. Kaherah: Maktabah al-Mutanabbī - Beirut: Ḵālam al-Kutub - Damaskus: Maktabah Sa’d al-Dīn., h. 398 ; Al-Syahrastānī, ‘Abd al-Karīm (t.t.h.), *Nihāyah al-Iqdām fi ‘Ilm al-Kalām*. Baghdād: Maktabah al-Muthannā, h. 496 ; Ibn al-Hazn al-Zāhirī, Abū Muḥammad ‘Alī bin Aḥmad (1975), *Al-Fiṣal fi al-Mīlāt wa al-Ahwā wa al-Nihāl wa bi Hāmisiyah al-Mīlāt wa al-Nihāl li al-Imām Abū al-Faṭīḥ Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm al-Syahrastānī*, j. 4. Beirut: Dār al-Ma’rifah., h. 166-167.

<sup>38</sup> Al-Ramlī, Syams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-‘Abbās Aḥmad bin Ḥamzah ibn Syīhāb al-Dīn (1938), *Nihāyah al-Muḥtāj ilā Syarḥ al-Minhāj*, j. 7. Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādūh., h. 389.

<sup>39</sup> Bandingkan dengan: Dīyā’ al-Dīn Rayyis (1979), *al-Nazariyyat al-Siyāsiyyah al-Islāmiyyah*. Kaherah: Dār al-Turāth., h. 294.

<sup>40</sup> Prof. Dr. Bagir Manan S.H. (1999), op.cit., h. 165 ;

<sup>41</sup> Dr. Yusril Ihza Mahendra (1996), op.cit., h. 66-67.

<sup>42</sup> Ibid., h. 68.

<sup>43</sup> Ibn al-‘Arabī (1934), *Saḥīḥ al-Tirmidī bi Syarḥ al-Imām Abī Bakr Ibn al-‘Arabī*, j. 9. Mesir: Maṭba’ah al-Ṣāwī, h. 119 ; Ibn Ḥazm (1975), op.cit., j. 4., h. 110.

<sup>44</sup> Al-Tabarī (1968), op.cit., j. 5., h. 57-58.

<sup>45</sup> Muḥammad bin Ismā’īl Abū ‘Abd Allah al-Bukhārī (1987), *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar*, j. 4., c. 3. Beirut: Dār Ibn Kathīr & al-Yammah., h. 1610 ; Muḥammad bin Isā Abū Isā al-Tirmidī (t.t.), *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidī*, j. 4. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h. 527 ; Aḥmad bin Syū’ayib Abū ‘Abdurrahmān al-Nasāī (1986), *al-Mujtabā min al-Sunan*, j. 8., c. 2. Halbā: Maktab al-Maṭbu’at al-Islāmiyyah., h. 227 ; Muḥammad bin Ḥibbān bin Ahmad Abū Ḥātim al-Tamīmī (1993), *Saḥīḥ Ibn Ḥibbān bi Tartīb Ibn Bālibān*, j. 10., c. 2. Beirut: Muassasah al-Risālah., h. 375 ; Aḥmad bin Ḥambal Abū ‘Abdillah al-Syaibānī (t.t.), *Musad al-Imām Aḥmad bin Ḥambal*, j. 5. Mesir: Muassasah Qarṭabah., h. 38.

<sup>46</sup> Dr. Muhammed Albar (1998). *Wanita Karir Dalam Timbangan Islam*. Jakarta: Pustaka Azzam., h. 63-67.

<sup>47</sup> Ibid., h. 73.

<sup>48</sup> Ibid., h. 66.

<sup>49</sup> Ibid., h. 67.

<sup>50</sup> Keterangan secara ilmiah dan terperinci dapat dilihat dalam kitab Dr. Muhammed Albar, h. 80-91.

<sup>51</sup> Nazhat Afza dan Khurshid Ahmad (1971), *Posisi Wanita Dalam Islam*. Djakarta: Jajasan Dewan Da’wah Islamiyah Indonesia., h. 69.

<sup>52</sup> Ibid., h. 56.

<sup>53</sup> Ibid., h. 59.

<sup>54</sup> Ibid.

<sup>55</sup> Ibn Khaldūn, ‘Abd al-Rahmān (t.t.), *Muqaddimah Ibn Khaldūn*. Mesir: Dār Ibn Khaldūn., h. 1135 ; Al-Farrā’ (1966), op.cit., h. 21.

<sup>56</sup> Ibid ; Ibn Khaldūn (t.t.). op.cit., h. 136.

<sup>57</sup> Al-Farrā’ (1966), op.cit.

<sup>58</sup> Ibid.

<sup>59</sup> Ibid., h. 22.

<sup>60</sup> Al-Baghdādī, Abū Mansūr ‘Abd al-Qāhir bin Ṭāhir al-Tamīmī (1928), *Uṣūl al-Dīn*. Istambul: Maṭba’ah al-Dawlah., h. 277 ; Al-Ghazālī, Abū Ḥamīd (1964), Faḍāīḥ al-Bāṭiniyyah. Kaherah: al-Dār al-Qaumiyah li al-Ṭabā’ah wa al-Nasyr., h. 191 ; Ibn Khaldūn (t.t.), op.cit., h. 136.

<sup>61</sup> Al-Ghazālī (1964), op.cit., h. 191.

<sup>62</sup> Ibid., h. 192.

<sup>63</sup> Al-Farrā’ (1966), op.cit., h. 20 ; Ibn Khaldūn (t.t.), op.cit., h. 136.

<sup>64</sup> Ibid.

<sup>65</sup> Al-Baghdādī (1928), op.cit. ; al-Farrā’ (1966), op.cit.

<sup>66</sup> Ibid. Al-İjī (t.t.), op.cit.

<sup>67</sup> Ibn Khaldūn (t.t.), op.cit., h. 136.

<sup>68</sup> Al-İjī (t.t.), op.cit., h. 398.

<sup>69</sup> Al-Ramlī (1938), op.cit., j. 7. h. 389.

- <sup>70</sup> Komisi Pemilihan Umum (1999), *Himpunan Undang-undang dan Peraturan Pemerintah Bidang Politik*. Jakarta: Komisi Pemilihan Umum., h. 109.
- <sup>71</sup> Eep Saefulloh Fatah (1998), *Bangsa Saya Yang Menyebalkan: Catatan Tentang Kekuasaan yang Pongah*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya., h. 154.
- <sup>72</sup> Thamrin Sonata (Ed) (1999), *UU Politik: Buah Reformasi Setengah Hati*. Jakarta: Yayasan PARIBA., h. 63.
- <sup>73</sup> Al-Farrā' (1966), op.cit., h. 19 ; Al-Dasūqī, Syams al-Dīn al-Syaikh Muḥammad (t.t.), *Iḥṣāsiyyah al-Dasūqī 'alā al-Šyarḥ al-Kabīr*, j. 4. Kaherah: 'Isā al-Bābī al-Ḥalabī wa Syurakāh., h. 298. al-Māwardī (1973), op.cit., h. 6.
- <sup>74</sup> Al-Farrā' (1966), op.cit. ; Al-Dasūqī (t.t.), op.cit. ; al-Māwardī (1973), op.cit.
- <sup>75</sup> Syamsuddin Haris (1998). *Menggugat Politik Orde Baru*. Jakarta Pustaka Utama Grafiti., h. 245.
- <sup>76</sup> Sa'dī Abū Jaib (1985), *Dirāsah fi Minhāj al-Islām al-Siyāsī*, c. 1. Beirut: Muassasah al-Risalah., h. 668.
- <sup>77</sup> Miriam Budiarjo (ed), (1998), *Partisipasi dan Partai Politik*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia., h. 261.
- <sup>78</sup> Majalah Forum, [www.Forum.co.id/](http://www.Forum.co.id/), 16 April 2001.
- <sup>79</sup> Majalah Gatra, [www.Gatra.Com](http://www.Gatra.Com), 18 April 2001 .
- <sup>80</sup> Akhbar *Berita Harian*, 18 April 2001.
- <sup>81</sup> Lukman Taib (1998), *Politik Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Synergymate Sdn. Bhd., h. 204-216.
- <sup>82</sup> Muhammad S. el-Awa (1991), *Sistem Politik Negara Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka., h. 67.
- <sup>83</sup> Al-Qādī 'Abdul Jabbār (1975), *Syarḥ al-Uṣūl al-Khamṣah*. Kaherah: Maṭba'ah al-Bābī al-Halabī., h. 128-148.
- <sup>84</sup> Drs. Bambang Cipto M.A (1996), *Prospek dan Tantangan Partai Politik*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar., h. 1.
- <sup>85</sup> Al-Bukhārī, 'Abdullāh Muḥammad bin 'Isma'il bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah bin Bardizbah (1320 H), *Saḥīḥ al-Bukhārī*, j. 5. Kaherah: al-Sya'b., h. 8.
- <sup>86</sup> Ibn Kathīr. Abū al-Fidā' (1966), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, j. 7. Beirut: Maktabah al-Ma'ārif & Riyāḍ: Maktabah al-Naṣr., h. 145.
- <sup>87</sup> Khurshid Ahmad (1983), *Proportional Representation and the Revival of Democratic Process in Pakistan*. Islamabad: Institute of Policy Studies., h. 10.
- <sup>88</sup> Dr Yūsuf al-Qardawī (1999), *Min Fiqh al-Daulah fi al-Islām*. Kaherah: Dār al-Syurūq., h. 147.
- <sup>89</sup> Al-Azhar (1951), *The Constitutions for an Islamic State*. Kaherah: Higher Research Council of al-Azhar.
- <sup>90</sup>Ibid., h. 91-92.
- <sup>91</sup> Eep Saefulloh Fatah (1998), *Catatan Atas Gagalnya Politik Orde Baru*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar., h.100.
- <sup>92</sup> MPR, <http://mpr.wasantara.net.id/>, 13 Feb 2001
- <sup>93</sup> Miriam Budiarjo (1998), op.cit.,h. 273.
- <sup>94</sup> Afan Gaffar .Politik Indonesia: *Transisi Menuju Demokrasi*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar., h. 249-278.
- <sup>95</sup> Arbi Sanit (1997), *Partai, Pemilu, dan Demokrasi*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.. h. 185.
- <sup>96</sup>Ibid., h. 221.
- <sup>97</sup>Arbi Sanit (1998), op.cit., h. 92.
- <sup>98</sup> Ibnu Kathīr (1966), op.cit. Jil: 5., h. 247.
- <sup>99</sup> al-Tabarī. Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr (t.t.), *Tārīkh al-Umām wa al-Mulk*, j. 4. c. 2. Mesir: Dār al-Ma'ārif., h. 238-239.
- <sup>100</sup> al-Tabarī (t.t.), op.cit., j. 4. h. 427-432.